

# LAPORAN PROSIDING

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 26 NOVEMBER 2013**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Puan Mas Ermeyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik Parlimen]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad (Pengarah Persekutuan 2)  
Encik Paul Chai Sin Ngee [Timbalan Pengarah Audit (Kastam)]  
Encik Ilyas Shukri Khodari [Penolong Pengarah Audit (Kastam)]  
Encik Saiful Anwar bin Mohd. Jaafar [Timbalan Pengarah Audit (LHDNMM)]  
Encik Abu Hanifah bin Zun [Penolong Pengarah Audit (LHDNMM)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

**Kementerian Kewangan**

Encik Megat Azleen bin Megat Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Encik Dzulhilmi bin Dzukarnain [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan dan Pemantauan)]

samb/-

---

**HADIR BERSAMA** *(samb/-)***Unit Perancang Ekonomi**

Encik Allauddin bin Haji Anwar [Pengarah Ekonomi Makro]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

YBhg. Dato' Amir bin Haji Abd. Hamid [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan]

**SAKSI-SAKSI****Lembaga Hasil Dalam Negeri**

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar [Ketua Pengarah Eksekutif /  
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri]

Encik Mahmood bin Daud [Pegawai Eksekutif]

Tuan Haji Mohd Idris bin Mamat [Pegawai Eksekutif]

Encik Abdul Manap bin Dim [Pegawai Eksekutif]

Puan Siti Rosnah binti Md. Hashim [Pegawai Eksekutif]

Puan Liz Ellyna binti Mohd. Zaid [Peguam Kanan Hasil]

Puan Umi Kalsom binti Harun [Pegawai Eksekutif]

Encik Zahari bin Haji Ali [Pegawai Eksekutif]

Encik Shaharrudy Othman [Pegawai Eksekutif]

Encik Badri bin Basiran [Pegawai Eksekutif]

Encik Nasri bin Hassan [Pegawai Eksekutif]

Encik Abdul Muthalib bin Abdul Ghani [Pegawai Eksekutif (Kejuruteraan)]

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah Kastam]

YBhg. Dato' Matrang bin Suhaili [Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan)]

YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Said [Pengarah Bahagian Perkastaman]

YBhg. Dato' Ab. Hamid bin Salleh [Pengarah Kastam (Bahagian Perancangan Korporat)]

YBhg. Dato' Haji Saadon bin Haji Mohd. Dros [Pengarah Kastam Negeri Melaka]

YBhg. Dato' Badaruddin Mohamed Rafik [Pengarah Kastam Negeri Selangor]

YBhg. Dato' Chik Omar bin Chik Lim [Pengarah Kastam KLIA]

YBhg. Datin Khairiyah binti Abbas [Timbalan Pengarah Kastam

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]

Encik Mohd. Khusairi bin Mohd. Khalid [Timbalan Pengarah Kastam Selangor]

Puan Halimatun Zaharah binti Zakaria [Penolong Kanan Pengarah Kastam]

Encik Borhan bin Ahmad [Penolong Kanan Pengarah Kastam]

Encik Mohd. Shahrin bin Mohd. Dom [Penolong Kanan Pengarah Kastam]

Encik Rizaman Abd. Rahman [Penolong Kanan Pengarah Kastam]

Encik Muhammad Firdaus bin Ibrahim [Pegawai Kastam]



---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Selasa, 26 November 2013****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.40 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Sudah 10 minit lebih waktu tetapi kuorum sudah cukup. Saya mohon Jawatankuasa kalau boleh kita mulakan dengan *pre-council* dengan Jabatan Audit Negara dahulu. Boleh ya? Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Timbalan Pengerusi serta Jawatankuasa, Datuk Haji Anwari bin Suri daripada Jabatan Audit Negara serta pasukannya.

Pada hari ini kita akan menumpukan perhatian kita kepada proses pengutipan hasil kita. Oleh sebab itu, kita panggil dua agensi kerajaan yang berkenaan dengan hasil iaitu LHDNM dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Tajuknya adalah mengenai "Kelemahan Pengurusan Hasil". Jadi, saya bercadang untuk memanggil kedua-dua Ketua Pengarah LHDNM dan Ketua Pengarah Kastam untuk hadir bersama waktu prosiding dibuat. Cuma soalan-soalan kalau boleh kita hendak tumpukan kepada LHDNM– LHDNM atau biar terbuka? Hendak buka, apa caranya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC serta Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Bahawa pada hari ini kita sudah siapkan *slide* mengenai isu-isu bagi dua jabatan yang mengutip hasil terbesar negara iaitu LHDNM dan juga Kastam. So, kita telah memasukkan dalam *slide* ini isu-isu yang telah kita bangkit dalam laporan.

Jadi, yang pertamanya mengenai LHDNM. Saya masukkan sekali projek pembinaan bangunan yang masih belum diguna pakai.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi soalnya sekarang ini, isu yang ini siapa yang berat? Kastam ataupun LHDNM?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ini LHDNMlah.

**Tuan Pengerusi:** Lebih kepada LHDNM?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Itu boleh tanyalah, *because* ini sudah jadi *public issue*, isu ini. So, katanya pihak bomba telah memberi surat kelulusanlah untuk masuk. Katanyalah.

Jadi, mungkin kita hendak dengarlah, *because* MP Serdang pun sudah datang sendiri ke tapak untuk mengetahui status projek ini. Kemudian, beberapa kajian lain yang telah kita jalankan. Sama ada hendak masuk sekali dengan pihak kastam, saya rasa agak tidak berapa sesuai kerana tajuknya berbeza.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, dari segi keberatan isunya lebih kepada LHDNM daripada Kastam, ataupun sama banyak isu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Sama banyaklah- *balance*. Saya rasa sekejap sahaja, *just* hendak tahu bila hendak masuk, itu sahaja. *Make it short*lah, hendak tanya pihak berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, kalau kita panggil dua-dua sekali saya rasa tidak apa kan?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya lah, terpulanglah [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, siapa-siapa dalam Jawatankuasa hendak tanya LHDNM, LHDNM. Hendak tanya Kastam, Kastam. Jadi, senang. Tidak payah kita pecahkan kepada dua sesi. Boleh ya? Jadi, Datuk teruskan dengan pembentangan laporan Datuk.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, terima kasihlah. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 - RM185.419 bilion. Ini tidak ada dalam *slide*. Tahun 2012, naik RM207 bilion. So, LHDNM ini RM109.6 bilion – tahun 2011, naik RM124.89 bilion. Kastam daripada RM30.37 bilion - tahun 2011, naik kepada RM32.31 bilion. So, maknanya LHDNM sekitar RM120 bilion, untuk Kastam masih di sekitar RM30 bilion. So, ini mungkin boleh disoallah soalan ini.

LHDNM bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta seperti berikut:

- (i) Akta Cukai Pendapatan;
- (ii) Akta Petroleum;
- (iii) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah;
- (iv) Akta Penggalak Pelaburan;
- (v) Akta Setem; dan
- (vi) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

So, ini adalah jadual mengenai kedudukan hasil sebagaimana saya sebut, ada tambahan tadi. So, kajian yang telah kami jalankan untuk LHDNM:

- (i) Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran dan Gudang, Bangi;
- (ii) Pengurusan Skim Bayaran Ansuran Syarikat (CP204); dan
- (iii) *Case Management System (CMS)*.

Untuk siri kedua, Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat. So, *next slide*. Ini bangunanlah, di Bangi ya. So, pusat ini- projek perlu siap pada 19.10.2009, telah siap pada 28.10.2011. So, EOT 643 hari. Kos RM57.60 juta. So, sehingga kini belum diduduki lagilah.

So, *next* kepada kajian kedua. *Slide* ke- CP204 ya. Bilangan syarikat yang berstatus aktif bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2011, sebagaimana yang ditunjukkan.

Yang *latest*, tahun 2011 – 476,654 bilangan syarikat. So, isu-isu yang kita temui. Yang pertama, kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap kegagalan bayaran ansuran anggaran cukai, amaunnya RM136,335.

**Tuan Pengerusi:** RM136 ribukah juta?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ribu sahaja. Ini sampel ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini sampel ya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Kedua, kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai. Ketiga, tindakan selepas Notis Tawaran Kompaun (CP204) dikeluarkan. Keempat, kelewatan tindakan prosiding mahkamah terhadap syarikat yang gagal membayar kompaun di bawah CP204. Surat peringatan dikeluarkan kepada syarikat yang gagal membayar Notis Tawaran Kompaun (CP204). So, kelewatan tindakan pendakwaan kerana memberi ruang untuk mengeluarkan surat peringatan akibat kegagalan bayaran kompaun CP204 kepada 245 syarikat.

So, isu ketiga adalah mengenai CMS ya. So, kelemahan yang kita perhatikan adalah kelewatan dalam penyiapan sistem dan menandatangani kontrak. Sistem lewat disiapkan, kontrak lewat ditandatangani. *Next*, kelewatan dalam penyiapan sistem dan menandatangani kontrak. Keempat, pengurusan...

**Tuan Pengerusi:** *IT system* ya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *IT system*. Kemudian yang keempat, Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat. So, isunya sebanyak 1,422 kes audit luar lewat diselesaikan antara satu bulan hingga lima tahun melibatkan cukai tambahan, penalti, RM189.82 juta. Senarai semak audit tidak diisi bagi 656 syarikat di mana cukai tambahan dan penalti dikenakan RM61.74 juta. Notis peringatan tidak dikeluarkan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap. Pemantauan integriti pegawai audit luar melalui lawatan mengejut adalah kurang memuaskan bagi Jabatan Cukai Korporat dan lapan cawangan lain.

So, juga notis taksiran anggaran berjumlah RM3.5 juta tidak dikeluarkan terhadap 44 syarikat. Tunggakan cukai bagi 147 syarikat berjumlah RM54 juta. Kenaikan cukai denda RM4.25 juta tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi Skim Anggaran Cukai yang mengakibatkan kerugian kepada kerajaan. Tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah tidak dikenakan terhadap syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai. So, itulah dalam konteks LHDNM. So, kita terus kepada Kastamlah ya.

**Tuan Pengerusi:** Kastamlah ya.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, untuk Jabatan Kastam, jumlah hasil saya sudah sebut. Pertama, pengurusan aktiviti eksport. So, kelemahan yang kita perhatikan SOP berkaitan Pengurusan dan Kawalan Operasi Pengeksportan Petroleum Mentah, tidak lengkap dan kurang jelas.

**■1150**

Kedua, masih terdapat kes agen penghantaran yang membawa sendiri borang ikrar kepada pegawai penaksir.

Ketiga, sebanyak 9,444 Borang K8 Eksport masih berstatus belum selesai.

Keempat, terdapat kelewatan ikrar membayar duti eksport minyak mentah bagi tempoh tahun 2011 hingga September 2012. Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Labuan telah memproses 179 borang ikrar kastam, Borang K2 untuk pengeksportan petroleum mentah. Daripada 179 borang, terdapat 34 kes kelewatan ikrar melebihi tujuh hari melibatkan bayaran duti RM326.58 juta.

Kajian kedua - pengurusan risiko untuk pelepasan dagangan import kargo udara. Antara isu yang ditemui ialah rangka kerja pengurusan risiko dan struktur pengurusan risiko Jabatan Kastam tidak memadai serta tidak selaras dengan garis panduan dan standard pengurusan risiko yang dikeluarkan oleh *World Customs Organization*.

Kedua, Jabatan Kastam tidak mempunyai sistem dan prosedur pengurusan risiko yang komprehensif dan kemas kini.

Ketiga, modal insan yang telah terlatih dalam teknik pengurusan risiko yang terkini masih belum mencukupi kerana latihan di luar negara yang mempunyai sistem pengurusan risiko yang maju tidak diteruskan sejak tahun 2009.

Keempat, konsep pengurusan risiko masih belum diaplikasikan sepenuhnya terhadap proses pelepasan barangan kargo memandangkan intervensi dan pemeriksaan fizikal masih dilakukan dengan kerap terhadap barangan kargo yang tidak diberi penarafan berisiko oleh cawangan CVI.

Kelima, program pemantauan kaji semula supaya rangka kerja pengurusan risiko dapat ditambah baik secara berterusan tidak disediakan dan tidak dilaksanakan.

Untuk kajian ketiga adalah mengenai Kedai Bebas Cukai. Saya rasa kajian ini lebih beratlah isu ini, dan elok difokuskan kepada ini. Kelewatan dalam penyediaan sistem dan menandatangani kontrak. Sistem lewat disiapkan, kontrak lewat ditandatangani.

Kedua, kelewatan dalam penyediaan sistem dan menandatangani kontrak...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Okey, *sorry*. Pengurusan cukai pendapatan syarikat. Kelemahan yang diperhatikan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** So bagi sembilan pelesen KBC di Kedah, Perlis dan Selangor, cukai ke atas stok semasa adalah RM15.09 juta berbanding nilai jaminan bank RM6.54 juta. Ini bermakna cukai berjumlah RM8.55 juta tidak diliputi dengan jaminan bank yang boleh menyebabkan Jabatan Kastam kehilangan hasil.



Kedua, empat KBC telah memohon remisi RM1.99 juta daripada tahun 2009 hingga tahun 2012 dan sekiranya permohonan tidak diluluskan oleh Ibu Pejabat Kastam, maka hasil RM1.99 juta boleh dikutip daripada KBC. Bagaimanapun, permohonan bersama laporan Stesen Kastam Mengawal KBC di KLIA dan Kuching, Sarawak masih belum diputuskan oleh Ibu Pejabat Kastam.

Lima KBC Bandaraya telah menjual arak kepada anak-anak kapal bagi 15 kapal yang sama mengakibatkan setiap anak kapal telah membeli kuantiti arak yang melebihi had yang dibenarkan dan nilai kehilangan cukai kastam RM216,715 untuk dua hari sahaja.

Jadi lima KBC Bandaraya telah mengeluarkan invois jualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal yang telah berlayar, tidak berlabuh/berlayar pada Disember 2012 atau tiada dalam rekod Jabatan Laut Wilayah Tengah atau rekod Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat, Selangor. Sekiranya penjualan arak daripada KBC Bandaraya ini tidak dapat dibuktikan telah sebenarnya dieksport, dianggarkan kerajaan kehilangan hasil RM230,536 dalam tempoh dua hari sahaja.

Kelima, tiga daripada enam KBC sempadan telah menjual barang bebas cukai secara pukal kepada agensi penguatkuasaan di Thailand.

Keempat, taksiran duti import arak. Antara isu yang ditemui bagi tempoh 2010 sehingga 2012, sebanyak 59.9% daripada keseluruhan pengimportan arak ke Malaysia yang diikrarkan melalui Borang Kastam 9 tidak mempunyai kelulusan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kedua, semakan audit terhadap 2,862 bilangan item arak yang diimport pada tahun 2010 sehingga tahun 2012, 1,174 atau 4.2% bilangan item arak dengan duti kastam RM1.63 juta atau 0.9% telah disalahtafsirkan oleh pegawai kastam dan kesilapan taksiran ini telah mengakibatkan sekurang-kurangnya RM2.02 juta telah kurang dikutip.

Kelima adalah isu kasut. Isunya, kita lihat baki kasut yang dibeli pada tahun 2009 tidak diagihkan sehingga akhir tahun 2012 dan sebanyak 7,659 pasang bernilai RM602,089 telah rosak dan perlu dilupuskan.

Jadi itulah, selain daripada isu-isu hasil, kita pun ada membangkitkan dalam PAC kali ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada apa-apa isu yang kita harus tumpukan dalam pandangan Jabatan Audit Negara lah?

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Saya rasa kita kena bertanya kepada pihak Kastam apakah polisi atau perancangan ke arah GST di mana ini satu strategi untuk meningkatkan hasil negara. Kami sebagai juruaudit, kami telah menghadiri kursus, bengkel dan telah memanggil sendiri pegawai-pegawai kastam untuk memberikan taklimat dan kursus kepada kami. Jadi isunya di sini ialah apakah kesiapsiagaan pihak Kastam untuk melaksanakan GST? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Isu lain selain daripada pelaksanaan GST? Itu kepada Kastam. Kepada LHDNM? Katakanlah tadi ada isu perlepasan cukai yang diberikan kepada – sampai dua cukai tu kan. Itu ada masalah atau tidak ada masalah?

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Saya rasa isu yang besar ialah isu tunggakan hasil.

**Tuan Pengerusi:** Tunggakan hasil sahajalah.

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Berapa bilion.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi kalau tengok daripada sampel nampaknya jumlah itu kecil kan.

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Yang itu kecil. Sebenarnya ada...

**Tuan Pengerusi:** Hendak kena minta jumlah keseluruhannyalah.

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** So ada *figure* lain lah untuk *income tax*, mengenai kelewatan mengikrarkan pengeksporan petroleum mentah yang melibatkan duti RM326 juta.

**Tuan Pengerusi:** Cukai petroleum itu daripada siapa?

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Ini untuk Kastam.

**Tuan Pengerusi:** Untuk Kastam. Tak, saya tanya tentang LHDNM tadi.

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Cukai pendapatan syarikat RM189 juta...

**Tuan Pengerusi:** Itu tertunggak ya.

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Ya, dan penalti tidak dikenakan ya.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Dari apa yang kita jumpa daripada sampel.

**Tuan Pengerusi:** Kalau jumlah keseluruhan tidak tahu jumlahnya? Jumlah cukai tertunggak ini. Tidak apalah, kita tanya mereka. Cuma saya hendak tahu apa isu yang Jabatan Audit Negara hendak tumpukan?

**Dato' Haji Anwari bin Suri:** Saya rasa apa tindakan yang telah diambil oleh LHDNM terhadap apa isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara, sama ada hasil-hasil ini telah dikutip? Walaupun ada jawapan. Jadi tidak sepatutnya mereka fokus kepada sampel audit kerana mereka sepatutnya mengambil tindakan secara menyeluruh supaya hasil negara meningkat.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Ketua Audit Negara mengenai, di sini dari segi LHDNM ada mengatakan bahawa dalam audit, audit luar adalah lebih menyeluruh dan lebih lengkap daripada audit *major*lah. Maka, ada tidak cadangan yang LHDNM akan meningkatkan audit luar kah? Ini dari segi tafsiran yang dapat dilihat selepas melihat sampel-sampel sebenarnya.

#### ■1200

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Sebenarnya isu audit luar memang kita sudah lama bangkitkan. So, salah satu isunya adalah kekurangan anggota. Selepas dibangkitkan beberapa tahun yang lepas, mereka telah menambah sejumlah 600 anggota. Kita hendak tahu keberkesanan pada masa kini selepas penambahan anggota. So, kita pun masih fokus kepada isu ini.

Sepatutnya hasil daripada penambahan, anggota ini akan lebih cekap. Kita dapati KPI mereka juga nampaknya bertambah bagus.

**Datuk Chua Tee Yong:** Dari segi audit luar, ada atau tidak Jabatan Audit Negara melihat sama ada terdapat banyak rungutan dan sebagainya dari segi ini?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Soal rungutan ini kita tidak melihat aspek ini. Itu *beyond our*, kuasa kita. So, memang dalam *exit conference* mereka pun ada *raised subject* ini.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain sebelum kita panggil mereka masuk?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya ada soalan *figure* tadi Yang Berhormat. *Figure* tunggakan hasil RM8.6 bilion.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** LHDNM.

**Tuan Pengerusi:** Kastam tadi berapa yang tertunggak?

**Encik Paul Chai Sin Ngee [Timbalan Pengarah, Jabatan Audit Negara]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan berkaitan dengan kedai bebas cukai di kastam. Walaupun kita punya *sample* untuk dua hari ada RM200,000, kita minta kastam pergi siasat guna kaedah audit yang kita guna. Jadi, laporan terkini yang kita terima, mereka anggarkan lebih RM100 juta merupakan arak yang berdasarkan kepada dokumen palsu, *falsified document* yang telah dijual kepada anak kapal. Anggaran tunggakan cukai yang boleh dipungut adalah RM100 juta daripada empat kedai bebas cukai di Kuala Lumpur. Itu perkara yang serius.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Paul Chai Sin Ngee:** Kedai bebas cukai bandar raya di Brickfields dan Batu Caves, yang mana *businessnya* adalah menjual arak tetapi kita lihat banyak dia punya jualan arak bukan kepada anak kapal atau orang yang layak beli arak. Dia punya dokumen adalah berdasarkan kepada jualan kepada anak kapal, di mana apabila kita semak di pelabuhan, kapal itu tidak wujud pun.

Jadi, apabila Kastam- kita audit dua hari, penemuannya RM200,000. Jadi, kita minta Kastam siasat mengikut Akta Kastam mereka boleh memungut sehingga tiga tahun. Apabila dia semak tiga tahun punya invoice, lebih RM100 juta perlu dibayar. Sekarang kedai itu dah tutup.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana mereka hendak melaksanakan GST kalau RM100 juta ini pun terlepas pandang? *[Ketawa]* Maknanya...

**Encik Paul Chai Sin Ngee:** Ini pada saya perlu tanya kastam kerana kastam pun hadapi masalah hendak kutip balik cukai itu.

**Datuk Chua Tee Yong:** Saya hendak faham sedikit, bermakna dari kastam, selepas mereka menyemak semula, mereka menganggar RM100 juta telah tidak dikutip. Dari mana?... Brickfield dengan?...

**Encik Paul Chai Sin Ngee:** Brickfields dengan Batu Caves.

**Datuk Chua Tee Yong:** Akan tetapi kenapa dua kedai itu diwujudkan kalau menghadapi masalah?

**Encik Paul Chai Sin Ngee:** Itu yang dilesen sejak dulu. Kita punya syor audit jangan bagi lesen kedai bebas cukai kepada kedai yang terletak di bandar raya.

**Datuk Chua Tee Yong:** *That is why...*

**Encik Paul Chai Sin Ngee:** Oleh kerana kita pergi buat lawatan audit, tidak ada *business*. Siapa yang hendak beli arak tanpa cukai di bandar raya? Akan tetapi *business* dia memang hebat. Setiap hari ada jualan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So, Yang Berhormat, mengenai tunggakan tadi untuk kastam RM710.55 juta. LHDNM RM8.694 bilion.

**Datuk Chua Tee Yong:** Ada dalam *briefing*kah ini?... Yang RM8 bilion itu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Dalam *figure* kami.

**Datuk Chua Tee Yong:** Oh!

**Tuan Pengerusi:** Ini soalan tambahan yang saya tanya tadi kerana *sample* dia kata hanya RM1 *million*, RM2 *million*, sedikit. Jadi, saya minta *the total figures*, jumlah cukai tertunggak itu. Ini jawapan dia. *This RM200 million is only on* kedai bebas cukai. *The total figure* yang tidak *collects is RM710 million for* kastam *until today-* lebih kurang RM8.7 bilion *for LHDNM until today*. Ini pun pada pandangan saya, kuasa untuk berikan pelepasan cukai dan sebagainya pada ketua pengarah. Kalau jumlah begitu besar ini, kuasa tersebut sepatutnya terletak di tangan Menteri. Ini pun untuk saya menjadi satu isu yang- Menteri kadang-kadang tidak tahu kalau ketua pengarah beri lepasan cukai.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan, yang tidak dikutip ini adalah akibat pengecualian yang telah pun diberikan oleh ketua pengarah ataupun yang tidak dikutip ini ketirisan? *So, there are two types, two issues. Which is which?... Is it we did not collect because we exempted them or is it because we are supposed to collect but because of poor handling, poor management, therefore we did not collect.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ini adalah tunggakan hasil, akibat ketidakcekapan.

**Tuan Pengerusi:** *It could be another issue also* di mana taksiran yang dikeluarkan itu bukan taksiran yang sebenarnya sebab kami juga dapat banyak kompelin kepada banyak perniagaan bahawa LHDNM masuk, dia terus kenakan sahaja satu *figure* campur penalti. Benda itu bila sudah masuk sistem, sudah jadi tunggakan. Mungkin itu juga salah satu perkara kenapa jumlah ini tidak dapat dikutip kerana taksiran itu juga mungkin tidak betul.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tambahan dari Tuan Pengerusi, itu yang tadi saya tanya, ada banyak atau tidak rungutan dan sebagainya? Kadang-kadang saya dengar audit luar ini *effective* tetapi dia *double-edged [Disampuk]* *That is why. No, I just wanted to see whether they know anything.* Tidak ada, tidak apa. Kita tanya mereka nanti.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Elok kita tanya *audit major* dan audit luar.

**Tuan Pengerusi:** Bukan apa, tadi saya tengok pembentangan Datuk tadi nampak tidak ada perkara yang menangkap perhatian. Oleh sebab itu saya tanya soalan itu tadi.

Okey, ada apa-apa soalan lagi daripada Jawatankuasa sebelum kita panggil mereka masuk. Mereka pun hendak masuk. Jadi, kita akan panggil mereka sekali. Ketua Pengarah LHDNM dan Ketua Pengarah Kastam sekali kerana ini merupakan isu kelemahan hasil. Jadi, kalau hendak tanya soalan, jangan lupa tanya soalan LHDNM kepada LHDNM, tanya soalan kastam kepada kastam. Kita takut nanti mereka tidak ini... *[Ketawa]*

Kedua, saya hendak maklumkan bahawa pengurusan Parlimen telah menugaskan Encik Ahmad Fauzi Mustafa yang ada jambang itu, sebagai kita punya *officer* di PAC. Jadi, sebagai tanggungjawab utama dia, saya minta dia kalau boleh selepas kita Mesyuarat, dia akan buat macam minit serta dengan rumusan *what to do next*. Jadi, sentiasa kita punya perjalanan Mesyuarat ini akan *keep up-to-date*. Lepas rumusan itu kita buat keputusan sama ada hendak *proceed* lagi ataupun hendak buat laporan yang boleh dibentangkan pada Parlimen berserta dengan syornya. Ya, saya hendak memperkenalkan Encik Ahmad Fauzi. Encik Ahmad Fauzi dengar prosiding ini dan buat Minit Mesyuarat ini. Terima kasih ya.

Jadi, kalau boleh panggil kedua-keduanya, Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

*[Saksi-saksi dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

■1210

**Tuan Pengerusi:** Okey, media ambil gambar lepas itu keluar ya. *[Media mengambil gambar dan keluar]* Terima kasih. Yang saya hormati Tan Sri Shukor bin Mahfar, CEO kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Yang Berbahagia Dato' Sri Khazali Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia. Selamat datang ke Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kita pada hari ini. Tujuan kita memanggil kedua-dua Tan Sri dan Dato' adalah lanjutan daripada Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang telah menyentuh isu mengenai kelemahan pengurusan hasil. Pengurusan hasil ini melibatkan kedua-dua LHDNM dan Jabatan Kastam.

Saya rasa kedua-dua Dato' dan Tan Sri sudah maklum mengenai perkara-perkara yang termaktub dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut. Kalau boleh kita hendak dengarlah penjelasan daripada kedua-dua LHDNM dan juga Jabatan Kastam mengenai isu-isu tersebut. Selepas itu kita akan pergi kepada sesi soal jawablah.

Apa yang penting pada hari ini kita juga Jawatankuasa merasakan bahawa dengan *introduction of the GST*, maknanya Dato' Sri Khazali ini hari Kastam pun *will be in the spotlight*. Jadi, kalau boleh penerangan tersebut pun kalau kita tanya soalan pasal GST pun, tidak ada apa ya? Ini kerana perkara ini walaupun belum lagi dilaksanakan tetapi kita pun hendak tahu sama ada pelaksanaan tersebut dibuat dengan lancar supaya tidak lagi timbul masalah kemudian dalam Laporan Ketua Audit Negara yang akan datang.

Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya jemput dulu Tan Sri untuk memberikan taklimat Tan Sri dan selepas itu Dato' Sri Khazali. Selepas itu kita buka kepada sesi soal jawab. Terima kasih.

### 12.12 tgh.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar [Ketua Pengarah Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Saya mewakili Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk berada di sini bagi memberikan penjelasan berkenaan dengan tiga isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini. Yang pertamanya, berkenaan dengan Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran dan Gudang, Bangi.

Kedua, pengurusan skim bayaran ansuran syarikat ataupun menggunakan borang CP204 dan yang ketiga adalah pengurusan cukai pendapatan syarikat.

Saya mulakan dengan yang pertama, Projek Pembinaan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran dan Gudang, Bangi. Di sini Yang Berhormat adalah gambar bangunan yang telah siap untuk dilihat.

*[Pembentangan dibuat merujuk kepada paparan slaid]*

Okey, *next*. Apa yang dibangkitkan oleh Audit adalah tempoh penyiapan melangkaui 643 hari dengan ada dua lanjutan masa yang telah diluluskan. Perkara tersebut berlaku kerana lanjutan masa adalah di bawah kawalan JKR, kerana ini adalah projek di bawah pengurusan JKR. Lanjutan masa yang pertama disebabkan oleh kesilapan dalam pengukuran keluasan tanah oleh pihak perunding yang bertauliah menyebabkan proses reka bentuk perlu dibuat semula. Lanjutan masa yang kedua adalah disebabkan oleh kegagalan siasatan tanah ataupun *soil investigation* yang menyebabkan berlaku perubahan reka bentuk teknikal dan skop kerja. *Next*.

Dalam soalan seterusnya, dari segi perunding utama. Pegawai penguasa iaitu JKR, bertanggungjawab memastikan perunding melaksanakan tugasnya bagi mendapatkan perakuan bangunan selamat untuk diduduki.

Pegawai penguasa hanya mengeluarkan surat peringatan kepada perunding selepas lapan bulan iaitu daripada tempoh 28 Oktober 2011 hingga 6 Julai 2012 daripada tarikh CPC dikeluarkan. Projek ini adalah di bawah kelolaan 100% oleh JKR, Yang Berhormat.

Seterusnya, pada isu yang berkaitan. Jabatan Bomba telah membuat pemeriksaan pada kali pertama pada tarikh 26 Disember 2012 dan Jabatan Bomba mendapati 25 perkara masih tidak memenuhi kehendak bomba. Pemeriksaan kedua diadakan pada 7 November 2013 dan surat kelulusan dikeluarkan pada 19 November 2013. Kami baru terima Yang Berhormat.

Berkenaan dengan pusat pemprosesan yang sedia ada yang kami sewa di Pandan Indah juga dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Kelewatan untuk kami berpindah daripada *present building to the new building* adalah disebabkan oleh seperti yang saya nyatakan tadi, kelulusan bomba belum diperoleh pada bangunan di Bangi. Kemudian keduanya tadi juga ada sedikit perkara cadangan asal untuk membawa peralatan bilik *server* dari pejabat asal di Pandan Indah, bertujuan untuk kita menjimatkan kos tetapi kerana masa yang diambil terlalu lama, so menyebabkan peralatan tersebut dianggap sebagai *obsolete*. Okey.

Dari segi reka bentuk pula yang dibangkitkan, dari segi pembayaran kepada perunding. Reka bentuk yang dibuat oleh empat syarikat perunding tidak dapat digunakan disebabkan yang telah saya nyatakan tadi. Reka bentuk awal pada 2003 berdasarkan kepada keperluan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana dalam Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan tidak mencukupi. Pada masa ia hendak dilaksanakan iaitu dalam tahun 2007 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terdapat pula keperluan baru ataupun keperluan tambahan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengikut perubahan operasi dan juga sistem kerja.

Dari segi arahan perubahan kerja (APK) adalah di bawah bidang kuasa pegawai penguasa iaitu JKR dan juga Kementerian Kewangan. Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai jabatan pengguna hanya mengemukakan skop keperluan, manakala perunding dan pegawai penguasa iaitu JKR, bertanggungjawab sepenuhnya memberi nasihat berkenaan dengan kesesuaian reka bentuk dan kualiti kerja.

Berkenaan dengan cadangan penempatan pusat khidmat pelanggan Yang Berhormat, sebenarnya pada peringkat awal, pusat khidmat pelanggan tadi memang berada bersama dengan pusat pemprosesan. Akan tetapi berkenaan dengan keputusan kita untuk mengeluarkan pusat khidmat pelanggan daripada pusat pemprosesan itu sebenarnya tidak menjejaskan kemajuan projek di Bangi, Yang Berhormat. Itu isu yang pertama.

Saya teruskan dengan isu yang kedua iaitu pengurusan skim bayaran ansuran syarikat ataupun borang CP204. Apa yang dibangkitkan oleh Audit adalah kegagalan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenakan kenaikan cukai atas kegagalan membayar- peraturan yang dikemukakan oleh syarikat CP204.

**■1220**

Bayaran terhadap CP204 adalah bayaran *installment* ataupun bayaran pendahuluan yang dibuat oleh syarikat sebelum mereka dikehendaki menghantar borang *return* kerana borang *return* dihantar selepas tujuh bulan apabila akaun ditutup. Kenaikan tersebut tidak dapat dikenakan secara automatik atas alasan berikut iaitu kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan syarikat tidak tepat mengakibatkan baki lejar juga tidak tepat. Kita perlu menyetujui kes-kes yang ada ansuran. Dalam pada itu, terdapat juga ansuran-ansuran yang dibuat oleh pembayar cukai. Kemudian, kita perlu mengenal pasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran pengurangan. Peraturan pengurangan kredit hendaklah betul jika kita buat melalui sistem iaitu secara automatik, Yang Berhormat.

Sambungannya adalah, disebabkan oleh kekangan pegawai menyebabkan tindakan segera terhadap kenaikan cukai 107C(9) tidak diambil tindakan ke atas setiap ansuran kerana 12 ansuran, Yang Berhormat. Sebagaimana yang dinyatakan, maka dengan itu pihak pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah mengeluarkan satu Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2010 yang menyatakan bahawa kenaikan cukai akan dikenakan tetapi terhadap kepada cukai yang perlu dibayar sebenarnya apabila borang *return* dikembalikan oleh pembayar cukai.

Berkenaan dengan kenaikan cukai terhadap 103 Penalti Lambat Bayar, alasan yang lebih kurang sama juga kerana 103 ini adalah *unpaid balances* disebabkan oleh tidak buat secara automatik kerana kod transaksi dan juga tahun bayaran yang diberikan oleh syarikat tidak tepat. Ini kerana masih lagi berlaku kegagalan pembayar cukai memberikan kod bayaran yang sebenarnya menyebabkan kita sukar untuk meng*apply* dari segi bayaran yang mereka buat terhadap *the earlier debit* yang ada. Disebabkan itu, maka kita perlu menyetujui kes yang ada ansuran, mengenal pasti tarikh kredit dan juga peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat secara sistem, Yang Berhormat.

Kekangan pegawai juga menyebabkan sebagai satu faktor yang memberikan kesan kepada kegagalan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk menjalankan tindakan 103 secara *on time*. Tindakan segera kita utamakan bagi kes-kes yang amaunnya besar Yang Berhormat, *the amount of taxes* tadi.

Isu yang dibangkitkan juga berkenaan dengan sebanyak 5,181 syarikat yang gagal membayar tadi. Sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa CP204 itu adalah bayaran terhadap anggaran cukai dan anggaran cukai tersebut Yang Berhormat, adalah diberikan kelonggaran kepada syarikat pada bulan keenam dan bulan kesembilan, syarikat boleh *revise upward* ataupun *downward*. Dengan sebab itu, maka Lembaga Hasil Dalam Negeri berpendapat untuk pengenaan cukai yang sebenarnya terhadap bayaran yang tidak dibuat, kita akan muktamadkan apabila pembayar cukai menghantar borang *return*.



Di situlah baru kita tahu jumlah cukai yang sebenarnya. So dalam hal ini Yang Berhormat, tidak ada isu kehilangan cukai ataupun penyalahgunaan kuasa.

Seterusnya, kelewatan pendakwaan. Apa yang dibangkitkan di sini adalah inisiatif cawangan berkenaan mengeluarkan surat *reminder* kepada pembayar cukai untuk kita selesaikan secara kompromi dengan pembayar cukai. Walaupun ia tidak merupakan sebagai satu amalan, tetapi ini adalah inisiatif cawangan Yang Berhormat, untuk kita berbincang dengan pembayar cukai sebelum tindakan kompaun diambil. So saya rasa tidak ada isu penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan dalam pengeluaran surat tersebut.

Isu yang ketiga Yang Berhormat, adalah pengurusan cukai pendapatan syarikat. Dinyatakan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri lewat menyelesaikan kes audit sebanyak 1,422 kes audit luar. Penyelesaian kes audit luar yang dimaksudkan di sini perlu mendapat persetujuan daripada pembayar cukai. Mengikut terma kita, kes audit hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga bulan. Itu adalah sebagai satu terma yang kita nyatakan kepada *auditor*. Akan tetapi, terdapat kes-kes yang lewat disebabkan oleh beberapa faktor.

Antaranya adalah pembayar cukai sendiri tidak memberi kerjasama atau lewat mengemukakan dokumen tambahan untuk pengesahan terhadap bayaran-bayaran yang dituntut. Kemudian, terdapat juga kes-kes yang tidak ada kerjasama dari pihak ketiga, *third party* apabila kita membuat rujukan silang dokumen tersebut. Seterusnya, terdapat juga kes-kes yang ejen cukai yang dilantik oleh pembayar cukai tadi tidak memberikan kerjasama yang sepatutnya bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menyelesaikan kes tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.

Berkenaan teguran senarai semakan audit Yang Berhormat, ini adalah sebagai satu audit *checklist*, sebagai *administrative* sahaja, sebagai panduan. Walaupun terdapat *auditor* yang tidak mengikut sepenuhnya, tetapi ia adalah bertujuan sebagai *guideline* sahaja Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, walaupun tidak menggunakan SSA yang tidak didokumenkan, tetapi apabila penyelesaian kes, *auditor* dikehendaki menggunakan tatacara kerja audit percukaian yang kita kontrol dalam sistem komputer kita. Jadi dalam laporan terperinci berkenaan dengan isu penemuan audit, ia direkodkan dalam kertas kerja audit luar dan juga *kiosk management system*. Jadi tidak timbul dari segi masalah kalau kita katakan bahawa terdapat penyelewengan ataupun terdapat isu-isu yang telah digugurkan tanpa kelulusan.

Seterusnya dari segi notis peringatan tidak dikeluarkan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod. Kuasa yang ada oleh Ketua Pengarah memang ada dalam seksyen 82 yang memberikan kuasa untuk mengambil tindakan. Akan tetapi dalam hal ini, pendekatan LHDNM lebih berhemah iaitu kita bertujuan untuk mendidik pembayar cukai di peringkat awal tentang *record keeping*.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah mengeluarkan *public ruling*, tiga *public ruling* Yang Berhormat, Public Ruling 4/2000, 5/2000, 6/2000 untuk memaklumkan kepada pembayar cukai bagaimana prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi dalam *record keeping*. Cuma, kita tidak mengambil tindakan yang tegas dalam keadaan tersebut. Kita menganggap bahawa lebih baik kita mendidik *because we want to be friendly with our taxes payer*, Yang Berhormat.

Berkenaan dengan taksiran anggaran cukai dan penalti tidak dikeluarkan kepada 44 syarikat, kita kenal pasti bahawa dalam kes-kes yang telah dikenal pasti, disebabkan oleh kita tidak menjalankan taksiran anggaran lebih awal kerana taksiran anggaran yang kita keluarkan dalam seksyen yang diberi kuasa kepada Ketua Pengarah perlu berasaskan maklumat yang ada dalam fail, Yang Berhormat. Kalau kita berdasarkan *our own estimate without any references*, ia akan *led* kepada akaun belum terima. Pengalaman kita telah memberikan gambaran kepada *auditor* kita, kita perlu berhati-hati apabila mengeluarkan *based judgment action*. Walau bagaimanapun, perkara ini tadi telah kita perbaiki untuk tahun 2013 mulai dari bulan Ogos, kes-kes yang *straight forward* kita telah mengeluarkan taksiran anggaran secara automatik.

Terhadap 147 syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan berjumlah RM54.03 juta, kes-kes tersebut adalah di bawah pemantauan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada masa sekarang. Isunya adalah disebabkan oleh kesukaran mengesan pembayar cukai untuk mendapatkan alamat yang terkini. Ada juga terdapat pembayar cukai yang kurang memberi kerjasama untuk menyelesaikan kes mereka. Bagi kes-kes tunggakan yang kurang daripada RM5,000, kita berikan *less priority* kerana kos mahkamah adalah melebihi daripada RM5,000. *So we talk about cost effectiveness*. Keutamaan juga kita beri kepada kes-kes yang besar dan yang mempunyai debit semasa.

Seterusnya, kenaikan cukai yang tidak dikenakan 103. Baki cukai tadi sebanyak 138 yang saya telah jelaskan tadi, Yang Berhormat. Alasan yang sama juga dalam kes-kes yang telah saya jelaskan di peringkat awal tadi iaitu dari segi kekangan terhadap pegawai kita, kemudian kod transaksi yang tidak digunakan dengan betul oleh pembayar cukai.

Ini adalah lanjutan daripada yang telah saya jelaskan tadi Yang Berhormat dan saya juga telah menyatakan dalam isu yang berbangkit dalam isu yang kedua tadi. Alasan yang sama juga.

Berkenaan dengan kenaikan secara automatik di bawah 107C(10) terhadap 664. Di sini adalah satu kuasa yang diberikan oleh akta kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan CP205 kalau sekiranya kegagalan pembayar cukai menghantar CP204. Jadi alasan yang sama juga Yang Berhormat, kerana penalti ini adalah kita perlu tunggu apabila kita mendapat borang *return*. Ini kerana kegagalan pembayar cukai menghantar borang CP204 itu lebih kepada bayaran secara *installment, in advance*.

## ■1230

*Next*, berkenaan dengan tindakan guaman sivil Yang Berhormat, kita faham dan kita akur bahawa tindakan guaman sivil adalah tertakluk kepada peraturan pihak mahkamah. Jadi, sesuatu kes yang akan kita buat, kita perlu menyediakan segala maklumat-maklumat lengkap dan sebagaimana yang telah saya nyatakan awal tadi, kalau sekiranya tunggakan tersebut kurang daripada RM5,000, kita rasakan tidak begitu berkesan *in terms of* dari segi kosnya dan dari segi masanya tadi. Tumpuan diberikan hanya kepada *amount* yang besar sahaja Yang Berhormat.

Bagi kes kegagalan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan terhadap 41 orang pengarah syarikat, dari segi prosedur untuk tindakan guaman sivil kepada pengarah syarikat, kita perlu mendapatkan pengesahan bahawa pengarah tersebut perlu memegang saham sekurang-kurangnya 50% dan pengesahan tersebut hanya akan didapati daripada pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Jadi, proses ini juga kita jalankan tetapi mengambil masa juga Yang Berhormat kerana kita tidak ada *automatic information* di antara SSM dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Berkenaan dengan tindakan kaveat terhadap syarikat-syarikat yang gagal membayar cukai, di sini maklumat lengkap dalam fail kita memang tidak ada dengan lengkap kerana kita cuma ada maklumat pemilikan harta tetapi nombor hak milik itu perlu kita buat *search* di *Land Offices*. Di sini tidak ada suatu *database* yang kita ada- kita kena buat *search* secara manual Yang Berhormat, menyebabkan memakan masa yang lama untuk tindakan kaveat dan kita juga perlu mendapatkan pengesahan bahawa harta tersebut tidak dicagarkan untuk tujuan-tujuan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Saya rasa kita minta Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad untuk beri penerangan dahulu, boleh? Selepas itu baru kita tanya soalan. Sila Dato'. Terima kasih.

12.31 tgh.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah Jabatan Kastam]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat Tuan pengerusi, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Hadirnya saya di sini ialah untuk memberi keterangan dan penerangan ekoran daripada Laporan Ketua Audit Negara yang lalu berkaitan dengan dua perkara yang melibatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu mengenai Pengurusan dan Kawalan Kedai Bebas Cukai Pengurusan Aktiviti Eksport.

Jadi, sebagai latar belakang untuk saya membawa Ahli-ahli Yang Berhormat ke alam Jabatan Kastam, saya ingin menjelaskan sedikit di sini secara ringkas tugas dan peranan yang kita mainkan pada masa ini iaitu dari segi memungut cukai tidak langsung negara yang melibatkan duti import, duti eksport, cukai jualan, duti eksais, cukai perkhidmatan dan tadi dipermulaan, Tuan Pengerusi telah bercakap soal GST. *Alhamdulillah*, jabatan saya akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan cukai GST ini.

Keduanya, kita memberi *facilitation* kepada sektor perindustrian dan perdagangan. Ketiganya, memastikan pematuhan undang-undang yang ditadbir oleh JKDM dan lain-lain undang-undang yang ditadbir oleh lain-lain agensi. Secara sepintas lalu, inilah antara akta-akta yang dipertanggungjawabkan kepada kita untuk dilaksanakan. Akan tetapi apa yang pentingnya, empat perkara penting itu, kita lihat di situ iaitu:

- (i) Akta Kastam;
- (ii) Akta Cukai Jualan;
- (iii) Akta Cukai Perkhidmatan;
- (iv) Akta Eksais;
- (v) Akta Zon Bebas;
- (vi) Akta Dadah Berbahaya; dan
- (vii) Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing.

*Next slide*, ini juga di antara akta-akta yang melibatkan tugas Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Jadi, pada pagi ini saya akan cuma memperjelaskan dan juga menceritakan berkenaan dengan pengauditan terhadap Kedai Bebas Cukai yang dilakukan oleh Jabatan Audit Negara dan pemerhatian-pemerhatian yang telah dibangkitkan. Akan tetapi sebelum itu, marilah sama-sama kita memahami apa sebenarnya KBC itu sendiri ya.

Kedai Bebas Cukai (KBC) mula ditubuhkan pada tahun 1978 iaitu selepas taraf pelabuhan bebas cukai Pulau Pinang dimansuhkan. Itulah tarikh mula-mulanya kita tubuhkan Kedai Bebas Cukai (KBC). KBC merupakan satu *facilitation* yang diberikan kepada sektor pelancongan negara di mana pelancong boleh membeli barang bebas cukai. Inilah asal usul kenapa wujudnya Kedai Bebas Cukai daripada dahulu hingga sekarang iaitu tujuannya untuk menggalakkan pelancongan di dalam negara ini.

Kedai Bebas Cukai ini asalnya tidak terhad hanya kepada *liquor*, bir ataupun rokok sahaja. Ia juga melibatkan barang-barang lain seperti coklat, kalau dahulu ada tali pinggang, ada barang-barang kulit dan sebagainya. KBC ditubuhkan di bawah seksyen 65D, Akta Kastam 1967 dan adalah merupakan satu premis berlesen yang dibenarkan untuk menyimpan dan menjual barangan bebas cukai kepada pembeli yang layak.

*Next*, dari segi kategori Kedai Bebas Cukai. Kita ada lima kategori Kedai Bebas Cukai sebenarnya iaitu:

- (i) KBC Lapangan Terbang;
- (ii) KBC Pelabuhan;
- (iii) KBC Sempadan;
- (iv) KBC Dalam Negeri; dan
- (v) KBC Bandaraya.

Dari segi jumlahnya, kalau kita tengok di lapangan terbang di seluruh negara ini kita ada 46 buah premis KBC. KBC Pelabuhan kita ada lima, KBC Sempadan kita ada lima, KBC Dalam Negeri enam buah dan KBC Bandaraya kita ada lapan buah. Contohnya di bandar raya Kuala Lumpur dan juga macam di Alor Star ataupun di bandar-bandar yang besar, kewujudan KBC Bandaraya ini.

*Okay, next.* Dari segi kategori pembeli yang layak. Sesiapa yang layak ada tertera dalam *slide* ini iaitu KBC Lapangan Terbang, penumpang dan anak kapal yang tiba dan berlepas melalui lapangan terbang, KBC Pelabuhan untuk penumpang dan anak kapal yang tiba dan berlepas melalui pelabuhan atau jeti. Ini semua jeti-jeti yang disahkan ya. KBC Sempadan, warganegara Malaysia yang memiliki pasport antarabangsa dan pas sempadan serta pelancong asing yang tiba atau akan berlepas ke luar negara.

Okey, ini mereka yang layak untuk membeli. Bagi KBC Dalam Negeri, warganegara Malaysia yang memiliki pasport antarabangsa dan pas sempadan serta pelancong asing yang akan berlepas ke luar daripada negara kita Malaysia. KBC Bandaraya melibatkan pembeli-pembeli yang terdiri daripada pelancong antarabangsa yang akan meninggalkan Malaysia. Itu dari segi latar belakang untuk saya bawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin ke dalam dunia Jabatan Kastam yang saya sebut tadi.

Dari segi penemuan Audit yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Perkara pertama yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara ialah- isu yang pertama.

Saya rasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tidak perlu sentuh soal penemuan Audit tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini ialah tindakan-tindakan yang kita ambil dan dirangka ini. Kalau kita tengok dari segi isu yang pertama itu, JKDM bersetuju dengan teguran Jabatan Audit Negara dan telah mengarahkan semua KBC Bandaraya mematuhi syarat ekuiti 70% bumiputera. Ingin yang saya maklumkan di sini bahawa enam syarikat telah memenuhi kuota yang telah ditetapkan iaitu:

- (i) *Bumiraya Duty Free Centre* (KL) Sdn. Bhd.;
- (ii) Harum Aspirasi Sdn. Bhd.;
- (iii) *Envico Travel Retail* Sdn. Bhd.;
- (iv) Luxitalia Sdn. Bhd.;
- (v) Warisan Limpahan Sdn. Bhd.;
- (vi) Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd.; dan
- (vii) *AGM Duty Free* Sdn. Bhd.

Ini semua memenuhi kriteria 70% ekuiti bumiputera. Dua lagi syarikat iaitu Benison Duty Free Sdn. Bhd. dan ADF (M) Sdn. Bhd. memohon pelanjutan tempoh sehingga akhir November 2013 untuk meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera kepada 70% dan kita *allowed*. Kita beri peluang ini kepada mereka untuk memastikan biar ada memenuhi kehendak kriteria 70% ekuiti bumiputera ini.

Satu syarikat iaitu Green Pacific Sdn. Bhd. telah membuat rayuan untuk dikecualikan dan rayuan telah pun kita tolak. Tindakan selanjutnya ialah pihak syarikat perlu meningkatkan pegangan ekuiti kepada 70% ataupun sekiranya tidak mencapai ekuiti, lesen ini tidak akan diperbaharui apabila tamat tempoh pada 30 September 2014 ini. *Next*, bagi perkara yang (b), dua KBC lapangan terbang iaitu Zam Gems Sdn. Bhd. di bangunan satelit KLIA dan Hartamanis Sdn. Bhd. Tindakan yang dibuat oleh JKDM ialah lesen KBC bagi kedua-dua KBC iaitu Zam Gems Sdn. Bhd. dan Hartamanis Sdn. Bhd. telah pun tamat iaitu masing-masing pada 31 Mei 2013 dan 30 Jun 2013 dan tidak diperbaharui.

#### ■1240

*Next*. (c) Kadar lesen tahunan KBC hanyalah RM600. Saya ingin maklumkan di sini bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju melalui surat bertarikh 3 September 2013 supaya semua kadar *fee license* dinaikkan 100% termasuk lesen KBC. Lesen yang dahulunya RM600 telah dinaikkan kepada RM1,200 setahun. Kita baru sahaja dapat keputusan daripada Kementerian Kewangan. Ini adalah merupakan hasil daripada Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di Majlis Kewangan Negara. Ini diputuskan dan hasil RM1,200 ini Tuan Pengerusi, hendak dimaklumkan di sini bahawa bukanlah merupakan hasil kepada Kerajaan Persekutuan, hasilnya pergi kepada kerajaan negeri.

Hal ini kerana bergantung tempat letakkannya KBC itu berada. Kedua ialah mengenai jaminan bank. Semua KBC yang di *query* iaitu KBC Warisan Limpahan Sdn. Bhd., AGM Duty Free, Langkawi Duty Free, Green Pacific, Naluri Aman Sdn. Bhd, Star Five Duty Free Sdn. Bhd, Emas Kerajang Sdn Bhd. dan Great Earth Duty Free Sdn Bhd telah menaikkan jaminan bank masing-masing. Kalau kita lihat daripada jadual ini, jaminan bank yang dinaikkan ialah setara dengan apa-apa barang yang berduti yang ada dalam stok simpanan mereka.

Kalau tengok kalau yang pertama itu, Warisan Limpahan Sdn. Bhd sebagai contoh. Nilai jaminan bank sebelum- RM400,000, sekarang ini RM1.4 juta. RM1.4 juta ini ialah merupakan jaminan bank yang seimbang, setara dengan barang-barang berduti yang ada di dalam premis mereka. Itulah seterusnya kepada lain-lain *duty free* yang kita ada di dalam senarai ini. *Next, please*.

Mengenai perkara yang ketiga, mengenai satu KBC lapangan terbang, menempatkan barang bebas cukai di tempat yang memang tidak sesuai.

Kita punya jawapan di sini ialah pemegang lesen KBC Langkawi Duty Free Sdn. Bhd. yang terletak di Subang telah memasang jeriji besi di stor KBC mereka selepas kita tegur mengenai

perkara ini. Kita pasti bahawa barang-barang tanpa duti akan berada di dalam tempat simpanan yang selamat.

Mengenai perkara 3(b), KBC Warisan Limpahan telah mematuhi standard pembungkusan yang ditetapkan dengan meletakkan dengan label "*Malaysian Duty Not Paid*". Arahan-arahan ini memang dipatuhi. *Next*.

Mengenai (c), KBC Star Five Duty Free Sdn. Bhd. telah mematuhi prosedur yang ditetapkan. Pemantauan berterusan oleh JKDM telah dan akan dibuat untuk memastikan peraturan ini sentiasa dipatuhi oleh semua KBC yang beroperasi di dalam negara pada masa ini.

Mengenai perkara yang keempat, satu daripada dua KBC dalam negeri dan kesemua lima KBC bandar raya tidak menyimpan data untuk merekodkan nama, nombor dan sebagainya. Keperluan untuk merekodkan, seperti mana yang didapati di dalam PTP itu, data pembeli secara manual mengikuti PTK 55 tidak timbul lagi kerana semua data telah direkodkan secara elektronik melalui sistem komputer oleh syarikat semasa urusan jual beli dilakukan. Rekod ini boleh diperiksa oleh JKDM pada bila-bila masa diperlukan dan keperluan tandatangan itu hanyalah perlu diletakkan di invois-invois jualan yang disimpan di kedai-kedai bebas cukai tersebut. *Next*.

Isu yang kelima mengenai kekurangan kakitangan. Mulai Mac 2013, JKDM Selangor telah menempatkan seorang pegawai kanan gred W41 di stesen Kastam KBC Subang untuk mengawal urusan KBC termasuklah membandingkan invois jualan kasar dengan invois jualan yang disahkan dari stesen Kastam pengesanan eksport bagi KBC bandar raya serta salinan invois jualan yang belum lagi diimbangkan. Kita prihatin terhadap teguran ini, dengan secara serta-merta kita tempatkan seorang pegawai kanan secara *deployment* Yang Berhormat, pada masa ini.

Mengenai perkara yang keenam, lanjutan penemuan oleh Jabatan Audit Negara, JKDM telah membuat auditan ke atas syarikat KBC bandar raya. Memang terdapat jualan melebihi kelayakan akibat daripada pembelian daripada kedai yang berbeza-beza. Kita sebut tadi ada lima KBC di bandar raya. Makna kata, pembelian itu dibuat daripada KBC yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, tidak ada kehilangan hasil. Saya ingin menekankan di sini bahawa tidak ada yang kehilangan hasil kerana barangan tersebut telah disahkan diekspor oleh pegawai Kastam yang hak atau *by the proper officer of Customs* di pintu keluar. Jadi, isu sebab barang-barang ini memang diekspor keluar. Jadi, isu kehilangan hasil memang tidak wujud dalam kes ini. Oleh sebab barang itu keluar daripada negara kita, Malaysia.

Mengenai perkara yang seterusnya, ketujuh- pengauditan terperinci telah dilakukan oleh jabatan ekoran penemuan Jabatan Audit tersebut. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini bahawa di dalam pelan tindakan auditan kita oleh bahagian pengauditan, memang kita hendak mengaudit kedai-kedai bebas cukai ini pada tahun sebenarnya 2013. Akan tetapi Audit telah menemui lebih awal daripada kita dan kita pun sangat berterima kasih kepada Jabatan Audit kerana membuat penemuan ini.

Jadi, dengan sebab itu kita menjalankan auditan sendiri, terus sebelum akhir tahun 2013 ini. Kita mendapati jabatan ini akan memerlukan masa yang lebihlah dari segi- kerana penyiasatan yang mendalam akan melibatkan pengesahan pelbagai agensi dan jabatan seperti Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, *port operator*, agen perkapalan dan Lembaga Pelabuhan Klang.

Oleh sebab isunya di sini dia kata bahawa kapal tiada. Kapal sudah berlayar, kita *issue* barang ber*duty free*. Jadi, kita dari segi penyiasatan ini, kita perlukan masa yang lebih untuk dapat pengesahan-pengesahan daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk betul-betul memastikan bahawa memang tiada kapal yang datang, memang tiada kapal yang berlepas lebih awal apabila barangan *duty free* ini dijual.

Penemuan kita yang awal mendapati bahawa hasil yang mungkin, saya sebut di sini, hasil yang mungkin 'terkorban' yang boleh dituntut kembali berjumlah RM26.5 juta yang melibatkan lima pemegang lesen KBC. Sekiranya benar kapal tidak wujud atau kapal telah berlayar, *duty* atau cukai akan dituntut kembali daripada syarikat-syarikat yang berkenaan. Ke arah ini, jabatan saya telah membuat laporan polis pada 20 November yang lalu, yang melaporkan mengenai kemungkinan berlaku penipuan oleh kesemua KBC dan pihak-pihak yang berkaitan. Saya sebut sini pihak-pihak yang berkaitan secara berasingan. Berkemungkinan ada mereka-mereka yang bersekongkol dengan KBC ini kalau sekiranya ada isu-isu penipuan di sini.

Perkara ini sedang kami siasat di bawah seksyen 1351G, Akta Kastam 1967 iaitu seksyen ini menyebut iaitu barang siapa yang dalam apa-apa cara dengan disedari, dengan terlibat dalam apa-apa pengelakan fraud, *fraudulent* dan apa-apa duti kastam atau dalam pengelakan atau percubaan mengelakkan apa-apa larangan import atau eksport adalah satu kesalahan. Ada penalti-penalti di bawah seksyen ini. Itu yang sedang kita laksanakan pada masa ini Tuan Pengerusi.

*Next.* Mengenai isu yang seterusnya, saya ingin menyentuh tindakan kita ialah amalan menjual secara pukal kepada pihak berkuasa Thailand telah diberhentikan mulai surat arahan kita pada 31 Mei 2013. Sebenarnya sini hendak cerita Yang Berhormat, penjualan kepada pihak berkuasa Thailand ini sebenarnya *more on a goodwill. Actually we want to establish a very close rapport, relationship* dengan pihak berkuasa Thailand di sana dari segi banyak perkara-perkara yang kita hendak buat. Jadi, ada berlaku penjualan oleh kedai-kedai KBC ini kepada mereka di sebelah...

**Tuan Pengerusi:** Dato' Sri, sebelum Dato' Sri teruskan, saya hendak maklumkan bahawa kita punya prosiding ini direkodkan secara verbatim ya [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** [*Ketawa*] Tidak apa. Saya rasa itulah sebenarnya *why* kita jual kepada itu. Amalan menjual secara pukal kepada pihak berkuasa Thailand telah diberhentikan. Kita sudah berhentikan sekarang ini. Kita memahami situasi yang sebenarnya yang berlaku. Seterusnya ialah mengenai permohonan remisi. Semua permohonan remisi telah pun kita selesaikan. Perkara ini telah pun kita maklumkan kepada semua pengarah-pengarah Kastam negeri tentang kelulusan remisi dan pengurusan dana yang masih tersimpan dalam stor KBC.



**■1250**

Mengenai kelemahan pemantauan oleh JKDM negeri di mana semua JKDM yang diaudit, tindakan menyelenggarakan rekod duti terkorban tidak sebenarnya dinyatakan di dalam PTK 55 tetapi ia merupakan satu tindakan oleh KLIA secara- ini *good practises by KLIA*. Memandangkan amalan yang dilaksanakan di JKDM adalah perkara yang baik dan disyorkan oleh pihak audit, maka JKDM telah menetapkan untuk memasukkan cadangan ini dalam PTK 55. Ini kerana, apabila kita memberikan *duty free*, sebenarnya kita tidak rekod *duty foregone*. Duti yang terkorban itu kita tidak rekod, tetapi memang kita merasakan bahawa ini satu penemuan yang baik, bermakna kita perlu merekodkan apa-apa duti yang kita terlepas atau *foregone* apabila kita memberi pengecualian duti kepada pembeli-pembeli yang layak.

Mengenai isu seterusnya iaitu PTK Bilangan 55 menjelaskan bahawa matlamat pemeriksaan stok adalah untuk memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi. Jabatan mengambil perhatian terhadap teguran Audit dan pemeriksaan stok seratus peratus telah dijalankan ke atas semua KBC. Sebagai contoh, sebuah KBC di Perlis iaitu Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. yang diperiksa didapati melibatkan duti berjumlah RM13,620 telah dipungut ke atas dagangan yang tidak dapat diakaunkan. Ini kita buat secara berterusan.

Seterusnya ialah PTK 55 menyatakan bahawa laporan bulanan perlu dikemukakan. Semua KBC telah mengemukakan penyata bulanan mengikut tempoh yang ditetapkan sehingga Oktober 2013. Itulah yang melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengauditan Kedai Bebas Cukai.

Seterusnya, isu yang kedua berkaitan dengan kastam ialah mengenai pengurusan aktiviti eksport. Di sini saya ingin memberikan sedikit keterangan mengenai beberapa tafsiran untuk kemudahan pemahaman semua pihak. Eksport bermaksud membawa keluar barang-barang dari Malaysia melalui darat, laut atau udara. Pelepasan barangan untuk eksport di stesen eksport menggunakan Borang Ikrar K2 iaitu *prescribed form* yang dipanggil Borang K2. Pindahan barangan berduti bagi tujuan eksport dari stesen penghantar kepada stesen penerima, stesen eksport, menggunakan Borang Ikrar K8 iaitu merupakan pindahan dan pengikraran bagi tujuan eksport dibuat secara *online* melalui Sistem Maklumat Kastam. Penggunaan borang secara manual hanya dibenarkan jika SMK tidak dapat berfungsi atau sebab-sebab tertentu.

Daripada segi proses kerja, dalam pengurusan aktiviti eksport pula, membabitkan aktiviti-aktiviti seperti berikut, iaitu pertama, pengikraran barangan eksport oleh pengeksport. Bermakna pengeksport perlu membuat pengikraran.

Kedua, pemeriksaan barangan oleh pegawai kastam khususnya bagi barang-barang yang melibatkan pulang balik cukai, tarik balik cukai dan import sementara. Bagi barangan lain, pemeriksaan kastam dibuat berdasarkan penilaian risiko melalui sistem pengurusan risiko.

Ketiga, kelulusan eksport melibatkan proses taksiran, semakan ke atas barangan eksport dan pembayaran cukai jika barangan tersebut tertakluk kepada duti eksport atau SES.

Pelepasan kastam bermaksud barangan dibenarkan untuk dieksport setelah semua aktiviti di atas telah selesai dilakukan. Bagi aktiviti-aktiviti di atas, borang kastam yang digunakan ialah Borang K2. Manakala pengurusan eksport juga melibatkan aktiviti pemindahan barang dari stesen penghantar seperti zon bebas, gudang berlesen dan depot kontena pedalaman ke stesen penerima atau stesen eksport. Aktiviti pemindahan ini melibatkan penggunaan kenderaan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam menggunakan Borang K8 yang saya sebutkan tadi dan menggunakan *seal* kastam, kita kena *seal* sebelum barang ini bergerak, dan menggunakan jaminan bank dan bon am untuk memastikan bahawa kalau berlaku apa-apa penyelewengan, bon kita ada untuk menuntut kembali duti yang terlibat.

Bagi setiap pemindahan Borang K8, perlu diimbang untuk mengesahkan bahawa pemindahan barang telah diterima oleh stesen eksport. Imbangan dibuat secara elektronik melalui SMK kecuali bagi kes Borang K8 secara manual, salinan K8 yang diterima oleh stesen penerima dikembalikan ke stesen penghantar sebagai pengesahan bahawa barang tersebut telah disemak oleh stesen eksport.

Di dalam penemuan Jabatan Audit Negara baru-baru ini, berikut adalah isu-isu yang berbangkit. Pertama- ini *statement* daripada Jabatan Audit Negara bahawa secara umumnya pengurusan aktiviti eksport oleh JKDM adalah baik kerana telah diuruskan secara teratur. Walau bagaimanapun, isu-isu berikut telah dibangkitkan.

Pertama, mengenai *Standard Operating Procedure*.

Kedua, perintah ini juga berkaitan dengan perintah yang ditimbulkan.

Borang Eksport K2 secara manual hanya berlaku apabila Sistem SMK tidak berfungsi ataupun apabila sistem itu *down* akibat daripada masalah teknikal. Mengikut peraturan sekarang, pengikraran secara manual hanya boleh dibuat selepas 30 minit daripada masa sistem tidak berfungsi. Ini kalau mengikut *sea mode*. Kalau *by air mode*, apabila sistem tidak berfungsi selama 15 minit, secara automatik kita terus melaksanakan sistem secara manual.

Sebagai tindakan segera, stesen yang terlibat- yang dibangkitkan soal pegawai menunggu untuk diikrarkan itu. Sebagai tindakan segera, stesen yang terlibat iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas seperti yang diekori oleh Audit telah menggunakan sistem *tray* sejak 11 Februari 2013 di mana semua dokumen berkaitan pelepasan dagangan diletakkan di dalam *tray* di kaunter pegawai penyelia. Oleh itu, ejen tidak ada akses untuk memilih.

Apa yang berlaku saya hendak jelaskan di sini Yang Berhormat, kita hendak mengelakkan daripada pengeksport-pengeksport ataupun ejen-ejen pengeksport ini memilih pegawai untuk melaksanakan taksiran bagi barang-barang mereka, jadi kita menggunakan sistem *tray*.

Apabila sistem *tray*, dia ada penyelia dan penyelia ini akan mengagihkan kepada pegawai-pegawai penaksir yang berada di dalam pejabat. Daripada kita mengarahkan mereka menunggu, dia akan memilih pegawai-pegawai yang mungkin dia suka untuk membuatkan taksiran kepada taksiran mereka. Jadi dengan cara ini, kita mengelakkan sebarang tindakan untuk melakukan perkara-perkara yang tidak berintegriti. Itu tindakan yang kita buat. Ini berlaku apabila jika Sistem SMK itu *down* sahaja, jadi kita menggunakan sistem *tray*.

Ini mengenai Borang K8 yang tidak dapat diimbangkan. Mulai 1 Februari 2013 Yang Berhormat, satu SOP bertajuk '*Tindakan Menyelesaikan Borang Kastam No. 8 yang Masih Berstatus Temporary Release*' telah dikeluarkan bersama *white page* Borang K8 bagi tempoh Januari 2010 sehingga Disember 2012 untuk tindakan oleh stesen penghantar dan stesen penerima. Tindakan ini akan dijalankan sehingga akhir Disember tahun ini dan pegawai *focal point* dan pemantau negeri telah dilantik untuk memastikan Borang K8 berstatus *temporary release* disifarkan, dikosongkan. Ini hasrat kita.

Jabatan telah mengeluarkan satu dasar baru, pengurusan pemilihan barang-barang berduti atau cukai menggunakan Borang Kastam 8 bertarikh 26 Julai yang lalu berhubung dengan pemindahan barangan bagi memberikan garis panduan mengenai tatacara kelulusan pemindahan, imbangan Borang Kastam 8 dan tindakan ke atas syarikat yang gagal mematuhi peraturan pemindahan barangan. Sehingga 18 November 2013 ini, sebanyak 76.03% iaitu melibatkan 10,113 borang daripada jumlah keseluruhan 13,302 telah diimbangkan. Bakinya sebanyak 3,189 akan diselesaikan selewat-lewatnya pada tahun ini. Detil nya dapat kita tengok di sini, *next slide* ini.

[*Merujuk kepada slaid*]

Penyelesaian Borang K8 yang berstatus *temporary release* bagi tahun 2010 Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 kita tengok jumlah Borang K8 yang berstatus- semua Borang K8 adalah sebanyak 1.776 juta. Baki awal pada 1 Februari 2013 yang *temporary release* ini ialah 7,667. Kita dapat selesaikan- baki sekarang ini hanya tinggal 1,587 dan peratus penyelesaian adalah hampir 80%.

#### ■1300

Bagi tahun 2011 juga hampir sama dari segi bilangan yang kita proses 1.7 juta borang dan baki terakhir pada 18 November 2013 hanyalah 1,138 borang. Untuk tahun 2012 Tuan Pengerusi, kita juga menguruskan proses bilangan hampir yang sama 1.719 dan baki untuk tempoh ini 464 borang. Pada hujung tahun ini kita memang hasratkan untuk sifarkan kesemua borang-borang *temporary* ini. Tindakan yang diambil ialah untuk mengahwinkan- dalam bahasa mudah, kita kahwinkan borang daripada stesen penghantar dengan stesen penerima.

Isu seterusnya yang dibangkitkan ialah terdapat kelewatan mengikrar serta membayar duti eksport minyak mentah. Okey, JKDM Labuan telah mengeluarkan surat- isu pengauditan ini berkaitan dengan Labuan sebenarnya.

JKDM Labuan telah mengeluarkan surat amaran pada 5 Februari- isu sebelum itu lagi. Ini ke depan sangat. Okey, isu yang dibangkitkan ialah terdapat kelewatan mengikrarkan serta membayar duti eksport minyak mentah. Semakan audit sebanyak 179 borang K2 taksiran duti eksport petroleum mentah bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2012 di Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Labuan. Terdapat 34 kes kelewatan melebihi tujuh hari pengiklanan dan pembayaran duti berjumlah RM326.58 juta. Tempoh itu bermula dari satu hingga sepuluh hari.

Tindakan penyelesaian ialah JKDM Labuan telah mengeluarkan surat amaran pada 5 Februari 2013 kepada syarikat minyak berkenaan yang terlibat bagi memastikan kelewatan seperti ini tidak akan berlaku lagi. Hanya dua syarikat yang terlibat dengan kelewatan ini dan telah di kompaun, berjumlah RM19,770. Pemantauan telah dibuat secara berterusan ke atas perkara ini.

Itu sahaja Yang Berhormat, isu-isu yang kita dapat bentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada hari ini. Sebagai rumusan saya ingin menyebut di sini bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara yang melibatkan pengurusan Kedai Bebas Cukai dan pengurusan aktiviti eksport ini akan dapat kita atasi dengan sempurna dengan terlaksananya sistem maklumat kastam yang baru, yang kita sedang bina pada masa ini.

Sistem yang kita pakai sekarang SMK telah berusia hampir lebih 28 tahun. Jadi, adalah masa yang sesuai untuk kita- sistem yang SMK sekarang dibina pada sekitar tahun 1994. Kemungkinan pada masa itu sistem di *design* mungkin untuk *cater the volume of trade* ataupun bilangan transaksi di sekitar sepuluh tahun ataupun lima tahun daripada tarikh ia dibina. Mungkin kosnya pun tidak besar. Jadi sistem yang baru ini, yang kita kenali sebagai u-Customs yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2015 akan dapat mengatasi banyak isu-isu yang mana sistem ini kita akan mengurangkan apa-apa jua *human intervention* ataupun penglibatan manusia di dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan kastam. Dengan itu saya tutup penjelasan saya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Tan Sri, terima kasih Dato' Sri. Satu penjelasan yang panjang lebar, yang saya rasa telah menjawab juga banyak persoalan yang timbul. Akan tetapi mungkin ada soalan-soalan yang lain daripada jawatankuasa. Rumusan saya, tadi saya dengar dua-dua taklimat tadi adalah berkenaan dengan penggunaan IT dalam kutipan hasil ini. Balik-balik tadi saya dengar kalau ada masalah ceritanya kekangan kakitangan. Jadi, maknanya sistem ini saya dengar macam bergantung kepada kakitangan dan sepatutnya ia automatik. Oleh kerana sekarang ini kalau sistem potongan cukai dan sebagainya sudah dibuat secara automatik. Sepatutnya perkara ini sudah di selesaikan dalam komputer, tidak payah ada *intervention* daripada pegawai lagi.

Bila sebut fasal kekangan ini saya terdengar dan saya memang sudah terbayang permohonan untuk menambah staf lagi akan timbul. Jadi, untuk saya ke hadapan soal kutipan cukai ini, kutipan hasil negara ini perlu di automatikkan lagi dari segi IT.

Bukan kerana apa, yang pentingnya kerja kita ini di PAC ini adalah memastikan bahawa pada setiap jabatan ada *audit trail*. Bila kurang *intervention* daripada manusia dan lebih kepada IT maknanya *audit trail* itu akan timbul dan kita akan menutup segala lubang-lubang dan *loopholes* yang ada.

Jadi soalan saya, saya hendak mulakan dulu dengan soalan saya. Soalan saya adalah pertama sekali, saya minta kedua-dua Jabatan Kastam dan LHDNM untuk memberikan jumlah kutipan cukai keseluruhan dan pecahan-pecahan dia. Maknanya saya beri contoh, kalau macam LHDNM, berapa banyak cukai yang dipungut secara keseluruhan? Maknanya yang dipungut secara cukai PCB, cukai syarikat, lepas itu cukai dari penalti dan sebagainya. Itu saya rasa akan memberikan kita sedikit gambaran mengenai kerja di LHDNM.

Saya tahu LHDNM dan Jabatan Kastam ini dia amat berbeza dari segi fungsi dia sebab LHDNM merupakan lembaga dan Jabatan Kastam masih lagi macam jabatan. Dia ada lain dia punya prosedur dia dan juga kelonggaran yang diberikan kepada pengurusan kedua-dua organisasi ini pun lain. Saya faham. Saya akan pergi kepada perkara tersebut selepas saya mendapat dua-dua jumlah yang saya sebut tadi. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Terima kasih Yang Berhormat. So, di depan ini adalah *slide* yang menunjukkan kutipan cukai yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebagai perbandingan daripada tahun 2010 hingga tahun 2011 dan juga tahun 2012 mengikut kategori pembayar cukai. Kita lihat bahawa bagi individu saya ambil yang *the latest* sekali tahun 2012, Yang Berhormat. Individu membayar sebanyak RM22.9 bilion, syarikat sebanyak RM59.3 bilion, petroleum sebanyak RM33.9 bilion, duti setem RM5.598 bilion, Cukai Keuntungan Hartanah (CKHT) RM607 juta. Manakala yang lain-lain tadi, di antara beberapa perkara termasuklah dari segi penalti, kos mahkamah dan sebagainya tadi RM2.4 bilion yang membawa kepada jumlah kami pada tahun lalu sebanyak RM124.891. Ini adalah kutipan kasar sebelum ditolak berkenaan dengan bayaran balik yang diproses pada setiap tahun di bawah Tabung Bayaran Balik Cukai Pendapatan (TBBC).

**Tuan Pengerusi:** Kalau saya boleh buat rumusan RM22.9 bilion campur RM59.3 bilion, campur RM33.9 bilion ini lebih kurang bersamaan RM105 bilion. Maknanya RM105 bilion ini adalah kutipan daripada yang saya anggap senang. Kalau kutipan daripada individu sudah PCB bukan?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Baik, individu di sini Yang Berhormat termasuk PCB dan juga bagi *sole perpetrator*...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kebanyakan...

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** *PCB is around RM9 billion* daripada RM22.9 bilion tadi, PCB hanya lebih kurang dalam RM9 bilion.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kutipan daripada *sole perpetrator* memang telah di automatik, bukan?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Tidak. Dia...

**Tuan Pengerusi:** Masih lagi di lapor pada akhir tahun.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ia sama seperti macam CP 204 tetapi mereka menggunakan borang CP 500, dalam tempoh setiap dua bulan mereka akan bayar.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya PCB hanya...

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** PCB hanya untuk *salary earned* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** PCB hanya RM9 bilion ya?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya baki itu RM23 bilion *minus* RM9 bilion jadi RM12 bilion masih lagi daripada *sole entrepreneur* ya.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Syarikat ini pun automatik ataupun tidak?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Syarikat kalau mengikut daripada peraturan itu, mereka semua disyaratkan untuk mematuhi peraturan CP 204 itu tadi. Saya rasa Yang Berhormat, izinkan saya memberikan penjelasan sedikit untuk memberikan gambaran. Isu yang dibangkitkan tadi *of course* kita faham adalah melibatkan dari segi *back office process* dan juga *front office*. *Back office* sebolehnya tadi memang kita hendak menggunakan automatik tetapi disebabkan oleh pembangunan sistem komputer kita, walaupun kita kata Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia membelanjakan jumlah yang agak besar pada setiap tahun dengan sistem komputer tetapi sistem komputer kita yang kita bangunkan tidak dapat dibuat secara sebagaimana pilihan kami.

#### ■1310

Sebagai contohnya, apabila kita menyediakan *ISP for the next five years, so we are being told by EPU to stagger* kita punya pelaksanaan sistem komputer tadi. *So, as result of that*, pada masa kita melaksanakan Modul 'A' *for example, so by the time* kita hendak *introduce* Modul 'B', *maybe next year, some of the user requirements* tadi sudah *obsolete, because of the* pertambahan, perubahan dari segi teknologi. Jadi, kecuali kalau sekiranya kita boleh laksanakan *within a year* yang mana kita kata, okey, *full blast* kita buat, *there shouldn't be any problem*. So, inilah kekangan yang kita maksudkan tadi dari segi pelaksanaan.

*In terms of logic. Yes, I agree. If we can takeover by the computer, why not like that.* Kemudian dari segi kerja kita pada *front line* macam tadi dari segi *auditing* yang dibangkitkan oleh Audit Negara. Kita meletakkan *our auditors* seramai 60% daripada Pegawai Gred 41 *to be on the field but*, apabila mereka pergi *on the field, we have our procedure*. Kita tidak boleh pergi *on the spot. We must have our pre-analysis, pre-audit analysis*. Ini yang menyebabkan Yang Berhormat, mengambil masa yang agak lama dalam tempoh tiga bulan tadi.

*So, you have to bear with us that not all our duty tadi can be automatic, because some of the issues macam penguatkuasaan Audit, kena ada kita punya human intervention to look through into the accounts dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.*

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak sambung sedikit. Tadi EPU yang tidak bagi LHDNM melaksanakan secara keseluruhan?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** *That is a procurement process Yang Berhormat. Saya bukan hendak kata blame. That is the procedure procurement. For example, our ISP being- apabila kita buat untuk tempoh five years dalam Rancangan Malaysia Kelima. So, total tersebut kita beritahu the total berapa yang kita perlukan, but in terms of implementation, kita dikehendaki mengikut priority. We have to stagger, because of mungkin tadi cash flow government dan sebagainya tadi. So, as a result of that, sebab itu terdapat kita punya pelaksanaan tadi mengikut prioriti, macam pengenaan penalti tadi, pengenaan penalti kita letak less priority, because kita kena process written form, audit criteria.*

Akan tetapi pada masa Audit datang, so dia *question* kita kenapa penalti ini? *Because* dari segi statistik Yang Berhormat, *the amount of penalty that we have collected less than RM300 million, compared to the amount of gross collection yang kita dapat RM124 bilion. Ini kerana penalti tadi adalah on unpaid balance, not the whole balance. So, di situ Yang Berhormat, terima kasih.*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Okey, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, ingin saya kongsi di sini. Minta maaf saya tidak dapat hendak tunjukkan di skrin sana tetapi melalui *revenue monitoring system* yang saya bawa ke mana-mana juga ini, ada di sini. Nanti boleh saya minta kebenaran untuk memberikan secara terus kepadanya. Akan tetapi hendak saya sebutkan di sini bahawa dari segi hasil kutipan Kastam sehingga semalam, kita telah mengutip berjumlah RM29,689,000,000. Daripada *target* kita untuk tahun ini Yang Berhormat, kalau dapat saya sebutkan di sini sebanyak RM33 bilion. Berbanding dengan tempoh yang sama untuk tahun 2012 daripada sekarang ini, kita telah hampir berjaya memungut melebihi 20% daripada apa yang kita pungut pada tempoh yang sama tahun 2012.

RM29 bilion ini merupakan 90% daripada jangkaan kita untuk kita kutip bagi hasil pada tahun ini. Dari segi pecahan kalau dapat saya kongsi di sini, bahawa duti eksais yang kita kutip pada sehingga semalam ialah berjumlah RM7.4 bilion, cukai perkhidmatan – RM5 bilion, cukai jualan tempatan – RM4.7 bilion, cukai jualan import – RM3.978 bilion, duti eksais barangan import – RM3.4 bilion dan duti import itu sendiri RM2.2 bilion. Dari segi komoditi utama yang menyumbang kepada hasil kita ialah dari segi penyumbang utama hasil pada masa ini sebanyak hampir 36% ialah daripada kenderaan bermotor iaitu sebanyak RM10.4 bilion, hasil rokok sebanyak RM3.142 bilion, petroleum mentah – RM4.21 bilion, minuman keras – RM1.497 bilion, telekomunikasi – RM1 bilion dan; mesin dan alat ganti lebih kurang RM724 juta. Inilah barangan-barangan komoditi yang menyumbang kepada hasil utama kepada negara kita.

Dari segi negeri-negeri, *collection* yang tertinggi, Wilayah Persekutuan menduduki tempat yang pertama pada masa ini dari segi jumlah kutipan pada jumlah RM9.7 bilion, manakala negeri Selangor – RM9.31 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga telah ditugaskan untuk mengutip duti eksais lebih daripada kelapa sawit.

Untuk makluman bahawa sudah hampir dua tahun ini kita tidak dapat mengutip apa-apa levi daripada kelapa sawit, *excess profit on* kelapa sawit sebab harga kelapa sawit berada di bawah *threshold* yang membolehkan kita memungut cukai.

Contohnya di Semenanjung, kita hanya boleh memungut cukai levi kelapa sawit ini sekiranya harganya berada pada paras RM2,500 satu tan dan di Sabah dan Sarawak harganya mestilah melebihi RM3,000 satu tan. Jadi, pada masa ini harga sawit juga berada jauh lebih rendah daripada apa yang membolehkan kita mengutip. Jadi, itulah dari segi hasilnya. Kita sekarang ini bergerak ke arah *target* untuk mencapai RM33 bilion hasil dalam masa yang berbaki ini, kita berkeyakinan bahawa *target* yang kita tetapkan RM33 bilion itu akan dicapai. Ini merupakan tambahan kepada *actual collection* yang kita buat *last year* berjumlah RM2.3 bilion.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan? Kalau tidak ada soalan, saya sambung lagi sedikit pasal levi kelapa sawit itu. Banyak juga pengeksporth kelapa sawit yang rasa bahawa levi ini macam cukai dua kali. Maknanya, dia bayar cukai pada cukai pendapatan syarikat sahaja, selepas itu dia bayar lagi cukai ke atas levi eksport. Ya?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Berlebihan.

**Tuan Pengerusi:** Keuntungan berlebihan tetapi sistem yang dibuat oleh Kastam ini dia rasa macam rumit. Maknanya, patutnya bayar terus satu *flat fee* daripada dia punya *threshold*, berapa harga dia, lepas itu ada dia punya *scale-scale*, berapa banyak *tax* ikut *scale* itu. Jadi, saya hendak ambil peluang dalam Mesyuarat PAC ini untuk maklumkan bahawa ini banyak juga kompelin yang saya terima daripada pengeksporth kelapa sawit yang katakan *simplify those system, just put one. If you want, better not tax* dia kata. Akan tetapi *if still want to tax*, buat *just put a standard rate, flat rate*, senang. Dari segi pentadbiran pun senang. Ini juga terbawa kepada nanti sistem GST yang kita akan laksanakan. Jangan buat sampai rumit sangat sampai susah hendak mentadbir sistem tersebut dan kos mentadbir itu tinggi.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** *We are ready to implement whatever decision that is made by the government* Tuan Pengerusi, dalam hal ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Terima kasih. Satu soalan sahaja bagi pihak LHDNM. Terima kasih. Saya ingin mengetahui, antara cukai yang tertunggak RM8 bilion lebih itu. Berapakah yang khusus kepada pihak yang besar, yang dikira jumlah besar. Saya pernah membangkitkan satu soalan di Parlimen pada dua, tiga tahun lalu mengenai satu kes yang mendapat perhatian media iaitu Kuala Dimensi masa itu, RM328 juta tertunggak 13 tahun. Masa itu 13 tahun, sekarang sudah campur tiga tahun lagi, di mana tidak dibayar.



So, apa terjadi dengan kes-kes begini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak LHDNM terhadap yang besar? Saya faham bahawa yang 5,000 tertunggak itu memang kalau hendak ambil tindakan mahkamah, susah dan *costly*. Akan tetapi bagi kes-kes begini, apakah status dan apakah pendirian bagi pihak LHDNM?

■1320

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan tunggakan, pemantauan kami buat adalah begitu rapi terhadap kes-kes tunggakan terutamanya yang melibatkan jumlah-jumlah yang besar. Sebagaimana kes yang disebut tadi, memang kita akui dan tindakan pemantauan telah kita buat. Kita akan mengambil tindakan sampai kepada satu peringkat hingga ke *warning up* kepada *company* dan kepada individu, kita akan mengambil tindakan *bankruptcy*. Kita juga mengambil tindakan kepada individu-individu untuk keluarkan *stoppage order*. So, itu adalah tindakan-tindakan yang kami pantau.

Ini kerana dari segi debit yang ada dalam akaun Yang Berhormat, adalah sukar untuk kita memastikan bahawa pembayar cukai akan membayar segala-galanya *within 30 days for example*. Selalunya mereka atas budi bicara Ketua Pengarah, kita akan membenarkan untuk bayaran ansuran. Akan tetapi terdapat bayaran-bayaran ansuran *the last minute* mereka minta dijadualkan semula. Ini kerana kami berpendapat kita tidak perlu bunuh angsa yang memberikan telur emas kepada kita tadilah. So di sini, Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa memantau.

Dalam jumlah sekarang, tadi dari segi Akaun Belum Terima, lebih kurang dalam *less than RM2 billion gross* yang ada, *lot of thing* yang menurun. Akan tetapi jumlah tersebut Yang Berhormat, ia sentiasa- *because* kita *lock* daripada awal tahun, kemudian kita *lock* sekali lagi pada *end of the year*. So, *it is depends on which day* apabila notis itu dikeluarkan. Jadi, sebab itu *sometimes* di peringkat awal ia akan naik *and then* bila kita pantau, ia akan berkurangan.

So pada saya, kita memberikan perhatian yang begitu rapi kepada tindakan-tindakan yang melibatkan Akaun Belum Terima...

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri kata RM2 bilion? Tan Sri punya *figure* RM2 bilion?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Kita dapat daripada Jabatan Audit Negara RM8.9 bilion.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Tidak. Itu dari segi *gross* yang ada perkara-perkara yang kita *delete*, kita *exclude* bagi kes-kes yang telah diambil tindakan mahkamah, tindakan kebangkrapan- yang dua tadi yang *very active* yang kita boleh pantau, Yang Berhormat. Apabila kita sudah ambil tindakan kepada mahkamah, *it is beyond our* bidang kuasa tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So yang masuk mahkamah, jumlah berapa? Jumlah yang terbabit.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Jumlah terbabit yang sudah diambil tindakan mahkamah. Ada angka?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Saya mohon maaf kerana *offhand* ini saya tidak dapat beri *detail*. Akan tetapi kalau sekiranya perlu, saya akan berikan secara lebih terperinci lagi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Secara bertulislah.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ya, secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya hendak sambung mengenai penjelasan yang diberikan mengenai pemantauan yang dibuat ke atas jumlah yang tertunggak. Untuk kes Kuala Dimensi itu sebagai contoh, apakah tindakan yang telah pun diambil selepas tiga tahun? Saya sudah tidak mengikuti kes ini selama tiga tahun. Adakah jumlah tersebut telah dikutip ataupun tindakan mahkamah sudah diambil ataupun perkara ini telah pun diselesaikan? So sebagai contoh, apakah cara LHDNM mengatasi isu kes besar seperti ini?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Saya rasa *to be fair to me* Yang Berhormat, *because it is not part of the fakta* yang perlu saya sediakan hari ni, *so I do not want to confuse, you know. So I think* saya mohon untuk saya serahkan jawapan secara bertulis, Yang Berhormat. *Otherwise, it will lead to other question* yang saya rasa- *to be fair to me*.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara puas hati?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, I am okay. I am okay with answer* bertulis. Saya hanya minta kerana selalunya- saya bimbanglah bila kita kata kita akan ambil tindakan tetapi kita tidak tahu sama ada tindakan diambil selama enam bulan hendak ambil tindakan ataupun 10 tahun ambil tindakan. So saya hanya...

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Saya faham itu Yang Berhormat. *I appreciated that, but because you asking very specific, so my answer must be specific too*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I understand*. Saya faham. Bagi pihak Kastam, mengenai Kedai Bebas Cukai yang dibangkitkan tadi, kita dapati bahawa ada kedai yang ada di bandar dan bukannya di pelabuhan ataupun di lapangan kapal terbang. Apakah rasional kewujudan kedai-kedai ini di bandar dan apakah rasional kedai-kedai ini diteruskan di bandar? Ini kerana mengikut pihak Ketua Audit Negara, bila kita pergi ke kedai-kedai tersebut, tidak ramai *customer* pun, tidak ramai pembeli. Sepatutnya mereka hanya limit kepada *stewardess* dan *pilot* yang datang, yang kita tahulah. Kalau mereka tidak mempunyai fungsi yang penting untuk negara, adakah ia lebih baik jika lesen tersebut ditarik ataupun dihentikan selepas masa tamat?

Ataupun kedua, bila kita mendapati bahawa ada kesalahan yang dibuat oleh kedai-kedai tersebut, bukan sahaja kita buat laporan kepada pihak polis, di mana pihak polis akan mengambil tindakan kalau ada tindakan kes jenayah, tetapi bagi pihak Kastam, saya agak Kastam pun ada kuasa untuk menghentikan lesen tersebut dibawah akta undang-undang. So, adakah pihak Kastam berfikir akan mengambil tindakan tersebut?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Rasional kenapa kita membenarkan ataupun diwujudkan premis Kedai Bebas Cukai bandar raya, contohnya kita adakan di Batu Caves dan di tempat-tempat lain, rasionalnya adalah untuk satu sahaja. Daripada pokok asal rasional penubuhan kedai bebas cukai ialah mengenai penggalakan pelancongan. Ia tidak ada lebih daripada isu menggalakkan pelancongan dalam negara.

Jadi pelancong-pelancong ini bila ke dalam bandar- misalnya di Kuala Lumpur, kalau dia pergi ke Batu Caves dan kebetulan daripada Batu Caves terus dia hendak balik. Setelah melawat Batu Caves, sudah naik lihat Lord Muruga, mungkin *on the way* balik ke *airport* itu dia fikir hendak membeli seperti mana yang dibenarkan setelah dia duduk di sini contohnya 72 jam. Dia hendak balik ke negara Singapura misalnya yang terdekat, so kita benarkan. Dia boleh pergi ke KBC di bandar raya ini untuk membeli tetapi dengan syarat ia mengikut peraturan-peraturan. Ada peraturannya. Dia boleh tidak lebih satu liter, tidak lebih daripada satu *crate beer* yang mengandungi 12 tin, tidak lebih daripada satu karton rokok yang dia boleh beli. Itu kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk menggalakkan pelancongan.

Dari segi seperti Yang Berhormat sebut tentang isu kalaulah mereka melakukan kesalahan, kedai-kedai ini, memang boleh kita mengambil tindakan. Contoh yang saya sebutkan tadi, kelima-lima KBC bandar raya yang kita kata melakukan kesalahan, memang kita sedang menyiasat di bawah kita punya akta, seksyen 125(i)(g) Akta Kastam ini. Kita memang mempunyai- kalau didapati berlaku *fraud*, dan ia tidak ada had masa. Dalam keadaan itu kita boleh mengambil tindakan seberapa tahun kalau berapa banyak dia menipu.

Itu sebab dalam kes yang sedang kita kaji ini, kelima-lima KBC ini, kita dapati dapatan awal kajian kita, mereka mungkin telah melibatkan cukai sebanyak RM25 juta. Ini akan kita tuntutan. *BOD (Bill of Demand)* akan kita *issue very soon* setelah kita mendapat segala pengesahan yang saya sebutkan tadi seperti mana yang saya sebutkan dalam penjelasan saya tadi. Kapal memang tidak wujud, kapal sudah belayar dan *the owner is on the operator of the* Kedai Bebas Cukai itu membuktikan bahawa mereka tidak membuat penipuan. Jadi oleh sebab itu di dalam proses auditan kita, kita begitu *detail* sekali. Kita lihat dari segi *invoicing* dan sebagainya dan memang kita boleh mengambil tindakan.

Mengenai adakah perlu ini wujud atau tidak wujud, memang kita akan mengambil perhatian ini, kita mengkaji balik adakah bersesuaian. Sedangkan kalau kita lihat *next year*, Malaysia sudah kita *announce* sebagai Tahun Melawat Malaysia. Adakah ini bersesuaian masanya untuk kita menimbangankan KBC yang berada sekian lama ini untuk dikeluarkan daripada sistem kemudahan yang kita berikan? Itu perkara-perkara yang kita lihat balik secara mendalam. Apa yang penting, kita pastikan bahawa mereka ini perlu mematuhi segala peraturan yang kita berikan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa perkara ini telah pun dibentangkan kepada pihak Kastam sejak awal tahun lagi. Saya rasa tindakan untuk menyiasat sudah diambil sejak awal tahun.

So, yang kita kluatir hanya tindakan yang diambil adalah untuk mengutip balik jumlah yang tertunggak iaitu RM25 juta, RM26 juta. Angka daripada pihak audit RM700 juta lebih. Saya tidak tahu perbezaan dari mana tetapi RM25 juta pun, saya rasa tindakan daripada pihak Kastam bukan sahaja untuk mengutip balik tunggakan RM25 juta. Sepatutnya terus serta-merta menamatkan konsesi tersebut kepada kedai yang berkaitan. Adakah tindakan ini diambil kira? Saya rasa perlu ada had masa untuk membuat siasatan seperti ini. Saya rasa bukan susah sangat hendak *check* sama ada kapal itu wujud atau tidak wujud. Bukan susah sangat.

■1330

Saya rasa perkara ini bukan sahaja tadi ada disebut bahawa Jabatan Kastam hendak audit tetapi pihak Ketua Audit Negara audit dahulu. Rakan saya sebelah sana pun ada tengok sama saya. Adakah audit ini dibuat setiap tahun, setiap enam bulan atau setiap bulan ataupun setiap beberapa tahun?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Pemantauan seperti mana di dalam PDK yang kita sebutkan tadi iaitu dari setahun ke setahun memang kita ada semakan stok terhadap Kedai Bebas Cukai ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, sebelum ini tidak pernah berlaku?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ada berlaku penyemakan tetapi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apakah yang menyebabkan kesalahan sebegini di mana ada kapal yang tidak wujud ataupun pembelian atas kapal yang tidak wujud.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Tidak didapati.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebelum ini tidak didapati?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Tidak didapati.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebelum itu, apakah tindakan yang akan diambil dan jangka masa yang dianggarkan akan selesai perkara ini?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Itu sebab kita dalam kajian Yang Berhormat ya, saya masuk ini sebab di bawah seksyen 135(1)(g) itu, ini melibatkan isu-isu *fraudulent* yang berlaku. *Therefore, we need more time*, sedikit masa untuk kita membuat kajian yang terperinci sebab di bawah seksyen ini kalau didapati kita boleh caj, *we are going charge them in court* di bawah seksyen ini.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Charging is one thing. Charging can take place. What I am saying...*

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat, *can I maybe suggest something to help.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Sure.*

**Datuk Chua Tee Yong:** Saya ingat dari segi apa yang dikluatiri adalah semasa siasatan dijalankan, kehilangan dari segi pendapatan untuk negara masih berterusan.

Sebenarnya, isunya yang dibangkitkan sebegini. Betul atau tidak? Maka, boleh atau tidak dari segi pemantauan dijalankan? Jikalau mungkin apa yang diaudit adalah mengatakan mungkin RM700 juta dari segi pihak Jabatan Kastam adalah RM25 juta, dari segi untuk- ini cadangan ya.

Untuk seorang audit *staff* melihat *operation* tempat-tempat ini secara mingguan, untuk melihat sama ada kesalahan ini berterusan. Kalau kesalahan ini berterusan, walaupun ada *Visit Malaysia Year* atau apa, ini merupakan satu kehilangan pendapatan dan isu ini masih berterusan, melihat sama ada syarikat ini benar-benar membuat kesalahan atau memang mempunyai muslihat untuk berterusan. Maka ini adalah sesuatu yang harus dilihat oleh pihak Jabatan Kastam dan juga dari pihak Jabatan Audit Negara di mana mungkin untuk dari segi *cost benefit analysis is better to employ one auditor and place there to check everyday because the revenue that we lost is more than the cost of the auditor. It is example*, dari segi cadangan.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Memang saya- Yang Berhormat, saya jawab Yang Berhormat dahulu bahawa memang kita sekarang ini memantau kedai-kedai bebas cukai ini secara terapi sebab bila kita buat audit, kita ambil semua dokumen-dokumen berkaitan. Saya berterima kasih di atas cadangan itu, memang kita akan menghantar pegawai untuk memantau dengan rapi KBC-KBC yang terlibat ini.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yang Berhormat...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebenarnya soalan saya- secara ringkaslah, *I will move on after this but* soalan saya, pihak Ketua Audit Negara telah pun mendapat bukti-bukti mengenai kes-kes di mana kapal tidak wujud. Semua bukti sudah dikumpulkan dan sudah diberi kepada pihak Jabatan Kastam. Apa lagi yang diperlukan oleh pihak Jabatan Kastam sebelum kedai-kedai ini ditamatkan konsesi mereka?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Memerlukan pengesahan yang lebih mendalam. Oleh sebab itu kita buat laporan polis. Kita minta kerjasama *confirmation* daripada pihak lembaga, *port operator, shipping agent* yang berkenaan untuk mereka memberikan secara sah maklumat-maklumatnya kepada kita.

**Tuan Pengerusi:** Dato' Sri, saya hendak tanya satu soalan ya. Saya balik semula kepada penggunaan IT. *I assume that* Jabatan Kastam Malaysia *is link to every client* yang dia ada *because...*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Tidak, buat masa ini tidak.

**Tuan Pengerusi:** Tahu tetapi dalam pelaksanaan GST nanti dibuat.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, saya *assume*, saya anggap kena buat.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini yang kita hendak tengok di dalam jabatan kerajaan. Soal *audit trail* ini, bila kita buat sesuatu prosedur mesti *audit trail* sampai ke habis.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Betul, setuju.

**Tuan Pengerusi:** Nampaknya dalam Jabatan Kastam ini memang putus *audit trail* nya.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini kerana tidak mungkinlah orang beli di KBC, Jabatan Kastam tidak dapat kesan dengan pegawainya yang tunggu dekat pintu luar itu. Maklumat ini patutnya disatukan supaya nampak. Jadi, nampaknya perkara ini memang tiadalah.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya, dalam keadaan...

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu Jabatan Kastam Diraja Malaysia memerlukan masa konon-kononnya hendak buat siasatan. Akan tetapi kalau siasatan pun, maklumat itu sudah tidak ada ataupun perkara itu sudah berlaku, tidak ada *audit trail* pun tidak guna juga. Itu yang saya rasa apa yang dimaksudkan oleh saudara Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Betul dan kita akan cuba buat siasatan dari segi *computer forensic because* untuk memastikan bahawa...

**Tuan Pengerusi:** *But the system is not there. The audit trail is broken; you cannot do a forensic audit.* Saya akauntan profesional. Saya pernah jadi Pengerusi Jawatankuasa Audit Telekom Malaysia .

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, perkara ini saya tidak boleh terima. Kalau saya, dari segi akauntan profesional saya tidak boleh terima kerana *the audit trail has been broken in your organization. That is loopholes, people can take- by duty free and avoid from a duty.* Tadi kita baru dengar dalam jawapan Dato' Sri pun Dato' Sri kata, "*Cukai yang dilupuskan pun tidak direkodkan*"

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, *you do not even know how much of the cukai that you actually have...*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** *Duty forgone*, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *duty forgone*.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu pun tidak direkodkan. *You* pun tidak tahu berapa jumlahnya. Akan tetapi *for the completeness of income the recognition it is not a good policy.* Saya rasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu tengok semula dari segi isu *completeness of income* ini. Maknanya semua *income* yang dapat dan terlepas pun patut direkodkan sekali.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Jadi ia akan jadi panduan kepada siapa-siapa yang hendak buat penyiasatan kerana ada *audit trail* tersebut. Itu maksud saya. Saya rasa penambahbaikan ini perlu dibuat dan dilihat. Saya tidak tahu dalam sistem *Customs* yang hendak dibuat ini ada atau tidak...

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Sudah diambil kira Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Komponen-komponen ini...

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya harap dalam sistem GST pun nanti mesti ada.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak keberkesanan sistem GST itu akan terjejas. Satu lagi, perkongsian maklumat di antara LHDNM dengan Jabatan Kastam pun saya rasa itu perlu dipertingkatkan lagi kerana banyak di negara lain seperti di Kanada, di Australia kalau tidak silap saya. JKDM dengan *inland revenue* digabungkan di bawah satu jabatan.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah satu badan dan dikawal oleh- macam di Kanada seorang Timbalan Menteri mengawal melalui *tax commissioner* dia. Ia mengawal selia kelakuan *board* ini. Akan tetapi ia *combine* dan bukan dipisahkan macam sekarang.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa kalau dipisahkan macam sekarang ini pun akan ada juga *leakages* yang berlaku kerana perkongsian maklumat di antara JKDM dengan LHDNM tidak berlaku. Maknanya, saya rasa maklumat apa yang LHDNM buat, LHDNM buat dan apa yang JKDM buat, JKDM buat. Akan tetapi orang yang sama mungkin terlibat dan dia lari daripada bayar cukai kerana kurang integrasi di antara Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Saya rasa ini satu perkara juga yang PAC kena tengok untuk menggesa kerajaan untuk hendak melihat kepada menggabungkan. Itu yang kedua.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, kalau saya boleh menambah di sini daripada teguran Yang Berhormat iaitu hendak maklumkan bahawa lembaga- saya dan Tan Sri Dr. Shukor telah pun mengadakan satu *MoU complete* mengenai *action of information between* dua organisasi ini yang telah kita tangani pada bulan April yang lalu. Dalam memo ini kita akan ada *join auditing* untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia. Ia untuk hendak memastikan bahawa ia ada penyelewengan di JKDM dan juga di Lembaga Hasil Dalam Negeri itu sendiri. Itu memang dalam kita punya rangka kerja, sudah ada.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau sistem organisasi *you* lain dan sistem IT *you* dan berbeza, memorandum ini pun memang bergandung kepada *intervention* manusia. Itu juga merupakan satu perkara yang saya rasa kurang efisienlah dalam kutipan hasil cukai negara ini.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yang Berhormat, boleh saya menyentuh sedikit berkenaan dengan komen ataupun *remark* daripada Yang Berhormat tadi berkenaan dengan *automation* dan juga dari segi kekangan *staff* tadi. Sebenarnya, kalau ikut dari segi statistik yang kami buat bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, *cost of collection every RM100* kita *spend* dalam RM1.02 dari setiap RM100 yang kita *collect*.

■1340

Apabila kita *compare* sekarang ini tadi, *our contribution to GDP, ratio to the GDP, revenue to the GDP. So, our ratio last year was 13%*. Apabila kita *compare* dengan negara-negara maju macam OECD dan *advanced country, revenue to GDP*, dia punya *percentage* adalah 30% to 35%. *So, it means that we are 1/3 of their punya performance*.

Apabila kita tengok *ratio* di antara *tax official* dengan *tax based, one officer to cover not more than 700* macam *Germany and everything. But, in our case in Malaysia, satu tax auditor to cover lebih kurang dalam 3,000 pembayar cukai. So, di sini Yang Berhormat, saya agree dengan statement* daripada Yang Berhormat Tony Pua tadi, mengatakan bahawa *enforcement, we must be seen to enforce the law. Means to say that, if government willing to spend on us, I mean for the revenue collector, at the end of the day, revenue is there. So, di sinilah yang kita katakan tadi, certain things, yes. In terms of processes, and in terms of maklumat, we should use our computer.*

*But, on enforcement and everything, we must be seen to enforce the law. So, itulah perkara yang ingin disebutkan balik semula. Ini kerana apabila disebut Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, in my case, our tax based is only 5 million compared to other country, more than that. So, tidak boleh dari segi kata orang downsizing in terms of revenue authority Yang Berhormat, terima kasih.*

**Tuan Pengerusi:** Bukan soal *downsizing*. Ini soal *merging*. *So, that you achieve the best efficiency*. Oleh sebab kita sekarang. Kerajaan sekarang mengambil tindakan untuk hendak mempertingkatkan *collection* daripada hasil *tax* ini adalah kerana kita kena mendidik rakyat bahawa setiap duit yang kerajaan belanja ini adalah datang daripada hasil cukai. Sekarang ini hasil cukai kita baru 10%. Hasil cukai yang lain ini dibelanjakan daripada sumber-sumber yang lain. *Tax payers* baru 10% sahaja. Padahal orang yang bekerja 12 juta orang, yang bayar cukai baru 1.7 juta orang. Jadi, dalam proses pendidikan ini bahawa setiap perbelanjaan kerajaan ini mesti ada dia punya sandaran dari segi hasil kutipan.

Oleh sebab itu kita panggil. Kali pertama dalam sejarah ini kita panggil LHDNM dan Kastam untuk berdepan dengan PAC sebab kita hendak tahu kedua-dua- kita hendak biar *balance*. Perbelanjaan. Selama ini kita cerita fasal perbelanjaan sahaja tetapi tidak cerita mengenai kutipan. Sekarang ini kita hendak cerita pasal kutipan pula. Hal berkaitan kutipan ini untuk saya merupakan satu isu yang penting kerana negara sudah tidak boleh lagi bergantung kepada hasil minyak dan sebagainya. Kita kena lihat kepada kutipan cukai yang lebih holistiklah.

*Remember, you are still friends of business. You are not Sherry from Nottingham. Ya? Jadi, ini satu- balance perlu dicapai di sinilah. Itu yang maksud saya ya. Bukan saya hendak kecilkan, cuma saya kata merge and combine to achieve greater efficiency with the use of IT. Enforcement yes, I agree with you. Akan tetapi make sure you create environment where people pay taxes voluntarily. Not you go after them. If you go after them, that's a wrong tax policy of the country.*



**Datuk Chua Tee Yong:** Tan Sri, *sorry* ya. Saya ada soalan untuk LHDNM. Saya hendak tanya tadi dari segi maklumat. Kalau saya tidak salah dengar tadi terdapat pertanyaan dari pihak Tan Sri untuk mendapat maklumat daripada SSM. Adakah LHDNM tidak ada *link* dengan SSMkah? Yang itu saya tidak berapa faham dalam tindakan-tindakan yang diambil untuk mencari maklumat pengarah dan sebagainya.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Sebenarnya kuasa *director general is very wide*. Akan tetapi, apabila *comes to the information* bila kita hendak minta daripada agensi kerajaan, mereka menganggap kami sekarang ini bukan lagi *government department* sebagaimana dahulu yang mana ia akan dikenakan bayaran dan sebagainya tadi. So, di sinilah kita lihat bahawa Yang Berhormat, bahawa kekangan yang berlaku oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, kita tidak dapat *automatic information* bererti *sharing* terus secara automatik. So, *we have to ask and it will involve the cost*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *This is privatizationlah, your privatizationlah?*

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya hendak tanya lebih tentang *enforcement*. Seperti yang dikatakan, *tax based* terlalu kecil dengan 15% pekerja, 16% syarikat yang membayar. Adakah ini disebabkan sebenarnya pendapatan mereka adalah begitu rendah atau ini adalah masalah *tax evasion*? Tentang mereka yang mengelakkan membayar cukai?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak membayar cukai?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Okey, Yang Berhormat. *The answer is both*. Hal ini kerana pertamanya, *for our purpose, for example* saya ambil misalnya KWSP punya *salary basedlah*. *They have more than RM10 millions. Compared to us, less than RM3 million because, between the two, our threshold is different. Because, threshold to be subject to tax for salary you must earn RM2,500 and above every month. As result of* kita punya *personnel relieve and everything*. Itu satu. *One of the indicator*.

Keduanya tadi, juga apabila berlaku- apabila kita *enforce the law, especially among the sole proprietor, because we depends on their own declaration*. So, *some of them* tadi *we give due respect to them, some of them is really ignorant of the law. But of course, certain quarters of our population, purposely refuse to pay*. So, saya kata sebab itu *combination of a so many factors* Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada anggaran *breakdown* tidak? Oleh sebab kalau mengikut katakana 14 juta pekerja, sekarang lebih kurang 1.7 juta yang bayar cukai. So, lebih kurang 15%. Yang 85% itu berapa peratus yang patut bayar cukai, tidak bayar? Selepas itu berapa yang benar-benar tidak sampai had untuk bayar?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** So, boleh saya minta *permission* supaya saya senaraikan dengan lebih- Yang Berhormat, *that is very specific*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Akan tetapi ada anggaranlah?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ada-ada. *We have some figures about that. Thank you Yang Berhormat.*

**Tuan William Leong Jee Keen:** *So, on the same juga dengan Kastam, smuggling is also a big problem. Saya telah baca baru ini bahawa 30% arak dan rokok yang ada, terutamanya melalui Labuan, Sabah, Sarawak, adalah smuggle. Adakah ini betul masalah ini?*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *In addition to that daripada Yang Berhormat Selayang tadi, ini kepada Kastamlah. Ini KBC sempadan ini ada lima tempat ini. Boleh senaraikan tidak mana-mana tempat yang lima sempadan inilah, itu kita mintalah.*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ada. Kita ada senarai ya. Tolong bagi. Okey, berbalik kepada soalan Yang Berhormat. Ini kita akan *provide* senarai KBC sempadan itu. Berbalik kepada soal isu penyeludupan. *In fact*, untuk *cigarette* yang selalu diperkatakan, ada satu *research commission* by CMTM. CMTM ialah Persatuan Pengeluar-pengeluar Rokok ya. Mereka mengatakan satu daripada *findings* daripada *research conducted by* Nielsen, salah satu *consultancy firm*lah, mengatakan bahawa *illicit cigarette* di Malaysia ini- saya sebut di sini bahawa dikatakan *around 32%*. Selalu disebut bahawa dengan itu kerajaan hilang RM2 bilion setiap tahun. *That is a statement* yang suka dibuat.

Akan tetapi sekarang ini saya mengambil pendekatan bahawa, *okay, we are going to fight this smuggling activities very heavily. By way* sebab- ada juga pertuduhan yang menyatakan kenapa Kastam *normally* tidak pergi kepada *big fish* ataupun ikan-ikan jerung yang besar-besar? Kita juga pergi kepada semua dalam banyak strategi yang kita gunakan untuk menangani isu penyeludupan rokok dan *cigarette* ini. Pertamanya, kita menjalankan pelbagai operasi dan yang paling *famous* yang kita buat ialah operasi *outlet*. Kenapa kita buat operasi *outlet*, *because* kita cuba hendak menyekat *supply chain*.

Oleh sebab kalau tidak ada *outlet-outlet* ini, walaupun 10 *container* yang dibawa masuk ke dalam negara, rokok itu tidak akan dapat dijual. *Therefore*, di dalam menangani penyeludup-penyeludup besar, kita juga akan *tackle* isu-isu di sistem pengedaran atau *supply chain* di semua peringkat.

#### ■1350

Oleh sebab, di Malaysia ini kita ada peruncit lebih daripada 55,000 peruncit di dalam negara dan peruncit-peruncit ini tidak perlu mempunyai lesen untuk menjual rokok. *This is the problem with are facing.*

*Therefore*, apabila kita menyekat *supply chain* ini, kita mengharapkan bahawa tidak akan ada penyeludup hendak bawa masuk kerana tidak ada orang yang menjual rokok-rokok ini. Oleh itu, kita banyak membuat aktiviti operasi seperti mana yang kita buat sekarang ini di Labuan, kita buat Cantas dan di Johor Bahru, DSI, kita buat Operasi Cantas untuk memastikan tidak ada barang-barang yang masuk ke dalam negara.

Jika ada barang masuk, kita cuba menyekat pengedaran daripada sampai kepada pengguna-pengguna terakhir. Sebab, kalau tidak ada orang yang menjual di peringkat peruncit, rokok-rokok yang dibawa masuk ini tidak akan dapat dijual.

Dalam tindakan kita sekarang, arahan kita walaupun sekotak kita dapat tangkap daripada laci penjual atau peruncit, kita akan mendakwa mereka di mahkamah. Sebab, kita fikir dengan cara ini sahaja yang dapat kita boleh membendung orang daripada bersekongkol dengan kepala-kepala besar sebab kepala besar *normally* dia cerdik, payah hendak dikesan siapa mereka kerana lapisan-lapisan yang tertentu. Akan tetapi kalau sekiranya penjual, peruncit tidak bersekongkol dengan mereka ini, rokok-rokok, bir-bir dan arak-arak ini tidak akan dapat dijual dalam pasaran. Itu yang kita cuba buat dengan secara *detail*...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya berharap Dato' akan berjaya.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Ketawa*] Bukan kesalahan Dato', sudah bertahun-tahun. Saya memang memberikan perhatian kepada isu dadah. Apakah keberkesanan pihak Kastam untuk membanteras dadah? Ini kerana kalau tidak melalui Kastam yang salah satu salurannya, masalah dadah di Malaysia ini tidak akan begitu hebat. Bukan sahaja dadah, bahkan juga penyeludupan, pemerdagangan orang. Kalau kastam begitu efektif, perkara ini tidak begitu serius. Saya ada banyak soalan lagi, cuma hendak tahu jawapan...

**Dato' Sri Khazali bin Hj Ahmad:** Ya, dari masa ke semasa kita berjaya menangani isu dadah. Kalau Yang Berhormat membaca semalam, saya ada membuat *press release* di mana kita berjaya menangkap seorang warganegara India- kerap India ini membawa masuk, dari Chennai. Semalam kita menangkap yang membawa masuk 44.95 kilogram dan nilai dadah itu RM8.5 juta. Seminggu sebelumnya, melalui satu proses yang dipanggil *control delivering*, kita menangkap lagi bersama-sama dengan Polis Diraja Malaysia di Pulau Pinang lebih daripada 50 kilogram. Seminggu yang lalu juga kita telah menangkap- kalau boleh saya sebutkan di sini, ringkasan kes jenayah di JKDM bagi tahun 2012 sahaja, jumlah keseluruhan yang kita sudah ambil tahun ini sudah bernilai RM161 juta yang ditangkap.

Akan tetapi hendak ditunjukkan di sini bahawa memang kita dari segi kepegawaian, kita melatih pegawai-pegawai untuk memastikan bahawa mereka dapat membaca, meneliti tentang gerak geri pelaku-pelaku, pesalah-pesalah, penjenayah yang membawa masuk dadah ke Malaysia ini. Itu sebabnya kita berjaya menyekat mereka. Sekarang ini juga kita cuba menyekat mereka ini sebab dadah mula mengubah modus operandinya di mana mereka menggunakan KLIA sebagai transit *point*. Daripada negara asal, mereka akan masuk ke negara kita ini melalui *airport-airport* domestik yang lain. *Normally* kalau katakan kita *check in from domestic* menaiki MAS, mereka boleh transit KLIA tetapi *luggage* tidak perlu ada di KLIA, *luggage* akan keluar di *final destination*, contoh kalau di Alor Setar.

Itu sebabnya sekarang ini kita sudah mula mendapatkan dadah ini dibawa ke *airport* domestik tetapi di KLIA itu sendiri boleh dikatakan *almost every two or three days* kita akan dapat satu kes dadah yang dibawa masuk ke dalam negara.

Jadi dari segi penguatkuasaan, kita memang sangat prihatin sebab *we know that* dadah adalah sesuatu yang masih kita katakan musuh nombor satu negara *that* kita mesti melawannya habis-habisan. Itu sebabnya pegawai-pegawai kita dilatih dan kita pun baru sahaja *acquired another* 25 ekor anjing pengesanan dadah untuk membantu kita hendak menghidu dadah-dadah ini supaya tidak melepasi kita punya sempadan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan kesalahan Dato' ya dan bukan kesalahan kastam kita, tapi sebab wang yang terlibat begitu banyak, berbilion-bilion. Walaupun Dato' berusaha- memang bagi setiap tangkapan misalnya kalau kita dapat lebih RM100 juta rampasan, berapakah yang terlepas? *[Ketawa]*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Minta maaf Yang Berhormat, saya mungkin tidak boleh buat anggaran berapa yang terlepas. Sebab, yang semalam yang saya tangkap di KLIA, kita sudah *study* dia punya *pattern traveling into* Malaysia ini, dia sudah 15 kali masuk ke Malaysia. Jadi saya anggap dia ini sebagai seekor tupai, dan sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh juga. Semalam dia menjadi tupai kali ke-15 kita berjaya menangkap dia yang membawa 44.95 kilogram ini. Pegawai-pegawai saya yang berada di *airport* sentiasa memerhatikan gerak geri mereka-mereka yang masuk ke dalam negara ini untuk memastikan bahawa tidak ada aktiviti yang tidak betul mereka lakukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penyeludup ini memang inovatif, kita tahu. Dato', ini mengenai narkotik, dadah. Apa yang terjadi dengan pemerdagangan orang dan migran? Kalau Kastam begitu efektif, perkara ini boleh dibendung.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, ini kalau saya boleh memberikan penjelasan bahawa betul kita memang di barisan hadapan *but we are together with* Imigresen, *we are together with the police at the airport, at the entry point* dan juga mana-mana, *not only at the airport* tetapi juga jalan-jalan laut dan darat. So kita bersama dengan ketiga-tiga agensi ini. Kemungkinannya *not all time that this three* organisasi bersepadu dari segi tindakan. Memang sudah ada tetapi kita akan memperteguh lagi tindakan kita bagi memastikan bahawa pemerdagangan orang itu dapat kita bendung dan sekat daripada masuk ke dalam negara kita dan mengelakkan negara kita daripada dituduh menjadi pusat untuk memperdagangkan manusia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan masalah Malaysia sahaja, ia di seluruh dunia dan kebetulan saya hendak pergi sudah, saya ada beberapa soalan. Pertama, saya sering kali menerima aduan mengenai birokrasi di Lembaga dan juga di Kastam, dengan IT itu. IT mesti ditingkatkan. Bagaimana pihak kedua-dua Lembaga dan Kastam dapat mengurangkan birokrasi supaya kita boleh mendapatkan lebih banyak hasil.

Saya hendak tanya sebab sayalah yang sering kali, tiap-tiap tahun, tiap-tiap kali menyoal mengenai *Common Effective Preferential Tariff* dan sebagainya di dalam Dewan. Saya berharap ahli-ahli yang lain boleh menyertai kerana kita hendak meningkatkan hasil kita. Dengan CEPT sekarang, apakah keuntungan bagi Malaysia? Juga cadangan untuk TPPA ini, adakah ini akan merugikan kita dan apakah pihak Lembaga dan juga Kastam memperbaiki kaedah untuk menangani masalah CEPT kalau dilakukan TPPA? Juga akhir sekali mengenai, tidak lama lagi kita akan tengok di dalam tempat-tempat seperti lapangan terbang, gedung untuk tuntutan GST, GST *refund*, pengembalian...

■1400

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** *Tourist Refund Scheme*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Tourist Refund Scheme* dan sebagainya. Apakah peruntukan diperlukan untuk kedua-duanya, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan JKDM untuk menyiapkan kita dalam menangani masalah GST?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Kepong, dari segi *modernization organization* Jabatan Kastam yang kita sedang bangun sekarang, seperti mana saya maklumkan awal tadi bahawa banyak perkara, *almost all issue relating to human intervention* dalam jabatan akan dapat kita selesaikan *by the end of year 2015* sebab sekarang ini kita sedang membangunkan sistem maklumat JKDM yang baru, yang kita namakan *Ubiquitous Customs*. *Ubiquitous Customs* ini ialah suatu sistem maklumat kastam yang telah kita mulakan pembangunannya mulai daripada minggu yang lalu sehingga pada akhir tahun 2015 yang menelan belanja RM317 juta yang telah...

**Tuan Pengerusi:** Perlu audit atau tidak?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Perlu audit atau tidak? [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Tidak perlu audit [*Ketawa*] Oleh sebab kita baru tawarkan projek ini. Di dalam sistem ini adalah merupakan *complete end to end solution* kepada operasi proses kerja-kerja di dalam Jabatan Kastam. Apabila ini siap nanti kita percaya bahawa soal birokrasi Yang Berhormat sebut tadi itu akan diselesaikan sepenuhnya sebab memang tidak akan ada *human intervention at all* di dalam sistem. *Declaration import and export* semua dibuat melalui sistem, pegawai penaksir tidak akan berjumpa dengan orang-orang yang datang ke – sebagai contoh, salah satu kebaikannya.

Jadi dengan itu, kita berharap kita bergerak kepada satu sistem yang ada sekarang ini, yang banyak masalah oleh kerana legasi sistem yang sudah kita buat *more than 20 years ago*, kita akan berarak ke arah sistem yang baru ini. Dari segi *Tourist Refund Scheme* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, memang itu sudah ada dirancang di dalam, apabila pelaksanaan GST ini. Ini merupakan salah satu cara hendak menggalakkan pembelian barang-barang di Malaysia apabila pelancong-pelancong datang ke sini.

Seperti mana juga kita pergi ke United Kingdom atau ke mana-mana negara, bila kita balik di *airport* itu boleh *claim* balik VAT. Di *airport* itu, sebelum dia lepas balik ke tanah airnya.

Sama juga kita akan adakan di KLIA, Pulau Pinang, Kota Bharu dan juga Kota Kinabalu untuk memastikan bahawa pelancong-pelancong yang datang membeli-belah bila balik mereka dapat tuntutan semula dia punya cukai yang dibayar 6% di bawah GST kelak. Jadi, kita memang mengambil kira apa Yang Berhormat sebutkan tadi di dalam memastikan adanya *modernization* di dalam jabatan yang sekali gus dapat membantu dapat menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan birokrasi seperti yang disebutkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Susulan daripada soalan Tuan Pengerusi tadi, terutamanya untuk isu GST adakah pihak kastam telah pun menambah kakitangan untuk melaksanakan GST? Apakah jumlah yang telah pun ditambah? Apakah jumlah yang akan ditambah pada satu tahun yang akan datang untuk mentadbir, mengurus dan memantau pelaksanaan GST?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Untuk sistem GST Yang Berhormat, ingin saya sebutkan, ini untuk berkongsi bahawa kita telah pun hampir menyiapkan sistem GST itu sendiri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sistem IT?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Sistem IT GST telah pun hampir siap. *In fact it is going to be delivered to the government by 31 December this year and in this project* tidak ada berlaku kelewatan, *on time* sebab pemantauan dibuat setiap minggu terhadap projek ini dan juga akan *delivered to us by 31 December*. Kita akan boleh buat *dry run* untuk *registration for GST*- mulai bulan Januari tahun 2014. Itu kita boleh mula buat *dry run*.

Di dalam sistem ini yang kita siapkan dan saya sebut di sini menelan kos sebanyak RM98 juta itu sudah siap, *ready to be use*. Kita telah pun buat *dry run*. Dengan sistem ini nanti kita pasti bahawa kita tidak akan banyak sangat ada penambahan daripada segi kakitangan sebab semuanya *IT based*. So, bila *IT based* penambahan kakitangan itu sedang kita uruskan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Belum lagi diluluskan tetapi kita masih di dalam perancangan untuk menentukan berapa ramai tambahan kakitangan baru untuk melaksana. Oleh sebab kita mesti ingat, mana-mana pegawai yang sedang menjalankan tugas di Bahagian Cukai Dalam Negeri sekarang, yang kita panggil Cukai Dalam Negeri (CDN), mereka ini semua kita masukkan ke dalam cukai GST ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Berapa orang?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Sekarang ini dalam bidang CDN lebih kurang 1,200 orang. Kita akan tambah lagi sedikit untuk disesuaikan dengan rangka kerja GST yang mungkin agak lebih *complicated* dengan cukai perkhidmatan dan cukai jualan yang sedang kita laksanakan pada masa ini. Itu sedang kita uruskan dengan Perbendaharaan Malaysia dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yang Berhormat, terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang tadi menyentuh tentang kerenah birokrasi yang ada.

Bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, kita memang sentiasa meningkatkan perkhidmatan kita. Oleh sebab itu, pada setiap tahun kita *quite aggressive to do a promotion on e-Filing* Yang Berhormat kerana *e-Filing* tadi melibatkan dari segi *Public Key Infrastructure* (PKI) supaya kerenah-kerenah birokrasi untuk penentu sah tadi dapat dijalankan melalui sistem.

Di samping itu juga dalam *e-Services* kita telah menggalakkan pemberi cukai untuk mengikuti dan memasuki *e-Filing so that* kalau ada *any tax refund can be go through EFT*. Itulah satu usaha-usaha yang sentiasa di perbaiki di peringkat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam *delivery system* kita tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tambah sedikit mengenai tindak tanduk pegawai ini. Saya memang sudah dengar banyak laporan terutamanya daripada pegawai LHDNM apabila membuat siasatan, *investigative case*, banyak kawan-kawan juga. Apabila dipanggil untuk membuat *investigation* pegawai LHDNM akan rekomen *tax agent* untuk hendak dipakai. Ini satu perkara yang saya hendak mendapatkan penjelasan sama ada ini berlaku ataupun tidak berlaku kerana ini isu yang banyak diperkatakan oleh ramai orang yang pernah kena *investigative* audit. Itu satu.

Kedua, saya hendak tanya mengenai tadi Tan Sri ada menyebut mengenai kuasa Tan Sri yang luas mengenai hal *investigative* ini, berkenaan juga. Saya tidak membuat apa-apa tuduhan dan sebagainya Tan Sri. Orang cakap, saya menyampaikan di sini. Oleh kerana kalau kita tanya dalam Dewan, yang jawab Timbalan Menteri. Sekarang ini kalau Tan Sri sendiri jawab kan senang, jawapan dia *clear*. Maksudnya macam ada tuduhan bahawa *investigation* itu dibuat, lepas itu ada dia punya *tax agent* yang di rekomen. Lepas itu kalau hendak pelepasan, boleh cakap dengan Tan Sri, CEO. Ini tuduhan yang dibawa. Jadi, saya hendak Tan Sri jelaskan sama ada perkara ini benar atau tidak benar?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Terima kasih Yang Berhormat. Begini, dari segi prosedur yang saya kata tadi, kuasa saya tadi, kuasa Ketua Pengarah yang luas saya maksudkan tadi untuk meminta maklumat. Itu yang saya maksudkan tadi. Bukan bererti kuasa yang seluas-luasnya, tidak. Kuasa untuk meminta maklumat mengikut peraturan kita tadi, memang mempunyai kuasa untuk meminta segala maklumat, untuk tujuan *information*.

Berkenaan dengan maklumat yang dikatakan bahawa terdapat pegawai-pegawai saya yang mengatakan bahawa dalam kes-kes tertentu dia rekomen misalnya kepada sesuatu *tax agent* tadi. Di situ sebenarnya bukan peraturan yang kami sediakan. Cuma dalam perbincangan antara kita dengan pembayar cukai yang disiasat untuk memudahkan kes-kes itu dapat diselesaikan dengan cepat. Oleh kerana *businessman sometimes* dia tidak faham dari segi *tax treatment*, perbelanjaan-perbelanjaan tersebut.

So, kita menggalakkan mereka, mencadangkan sahaja Yang Berhormat, bukan menjadikan satu kemestian supaya mereka melantik *tax agent* supaya dapat mewakili mereka dalam perbincangan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa...

**Tuan Pengerusi:** Ada *conflict of interest* itu sebab apa, berbalik semula pada apa yang saya sebut tadi. Dia punya tuduhan kata bahawa kalau hendak licinkan penyiasatan, hendak sampai ke penyiasatan yang cepat, lepas itu kalau ada pengurangan dari segi cukai pun, Tan Sri ada kuasa untuk hendak memberikan pelepasan tersebut. Ini dia punya *allegation*, bukannya soal- saya pun tidak tahu betul atau tidak betul.

■1410

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Dia begini. Apabila dalam sesuatu kes *investigation for example*, apabila kita mendapat maklumat- kes *investigation* adalah berdasarkan maklumat lebih awal. So, apabila kita mengambil tindakan untuk *investigation*, kita akan keluarkan kita punya angka berdasarkan pengiraan kita dan mendapat persetujuan ataupun tidak daripada pembayar cukai Yang Berhormat. So, dalam hal ini di sini, di sinilah kita akan- apa yang kita katakan berkompromi antara pembayar cukai dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Di samping itu juga, pembayar cukai diberikan hak untuk merayu. Rayuan tersebut di peringkat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, kuasa yang ada di peringkat bawah itu terhadap Yang Berhormat, kerana kita tidak boleh bagi *too lenient to our desk officer*. So, mengikut saluran-saluran tertentu yang terakhirnya adalah di peringkat Ketua Pengarah. Itu pun kalau sekiranya tidak melibatkan rayuan di peringkat mahkamah. So, di sini sebenarnya kita memang tadi menggalakkan pembayar cukai untuk memahami dari segi prosedur. Mereka kata lebih baik dia melantik *anybody* yang diluluskan. Ini kerana apa Yang Berhormat, masalah yang berlaku di Malaysia ini tadi, *tax agent* yang diluluskan di bawah seksyen 153, *very few*. Majoritinya adalah *bogus accountant* yang mana mereka memberikan perkhidmatan yang *very low quality, very low in term of fee...*

**Tuan Pengerusi:** Ini yang *tax agent* yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yes, Kementerian Kewangan. Yes.

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri, *statement* Tan Sri ini dibuat secara *verbatim* Tan Sri.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Macam mana?

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri tadi kata banyak *tax agent* ini banyak *bogus*. Mereka diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Tidak, maksud saya tadi begini. Isunya, 153 ini tadi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan tidak ramai. So, menyebabkan pembayar cukai terpengaruh dengan mereka yang *claim* sebagai *bogus accountant*.



So, di sini menyebabkan di antara mereka tadi, *they are fighting to each other*. So, some of tadi– kita dengar juga maklumat-maklumat, *allegation*.

So, saya pun ada kalanya kalau ada tuduhan-tuduhan terhadap *my* pegawai, saya kata saya perlukan bukti Yang Berhormat. Ini kerana apa? Bukan semua kes yang kita boleh *apply across the board*. *Some cases appeal* tadi, *merit of the case*. So, itulah dia yang saya maksudkan tadi, kita menggalakkan pembayar cukai untuk melantik agen supaya mereka memahami dari segi *tax treatment* tadi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Pada pandangan saya, benda itu ada *conflict of interest* jugalah kalau pegawai Tan Sri yang memaklumkan. Kalau orang lain maklumkan, tidak apa.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa...

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi. Kalau Tan Sri bagi pelepasan cukai, *check and balancenya* adalah Tan Sri memaklumkan kepada *Tax Commissioner* ataupun Tan Sri maklumkan kepada Menteri?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Tidak, ia begini Yang Berhormat. Apabila sesuatu taksiran tadi dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan kalau sekiranya pembayar cukai tadi tidak bersetuju dengan taksiran tadi, maka pembayar cukai boleh menggunakan hak rayuan dia untuk merayu di peringkat *Special Commissioner*.

**Tuan Pengerusi:** Bukan kuasa Tan Sri?... Kuasa *Special Commissioner* ya?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** *Special Commissioner*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, pasal apa, tuduhan itu kata Tan Sri ada kuasa untuk meluluskan pelepasan cukai berdasarkan...

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Tidak, tidak. Kuasa saya cuma sebagai DG tadi sekiranya rayuan yang dibuat oleh pembayar cukai tadi boleh diberikan pertimbangan Yang Berhormat. Ini kerana apa? Ini kerana terdapat juga rayuan-rayuan oleh pembayar cukai tadi kita rasakan tidak perlu untuk bawa ke mahkamah, kerana bila mahkamah, ia sudah jadi sebagai *precedent case* yang boleh *being quoted by others*. So, kita rasakan dalam hal ini kita kata *there is a merit that* kita luluskan dari segi rayuan, *based on the merit of the case*. *But*, bukanlah kuasa saya sewenang-wenangnya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Perkara ini dimaklumkan kepada *Tax Commissioner*lah ya? Maknanya ada...

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yes, yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *There's a before Tax Commissioner* rayuan, *there's a Tax Commissioner* rayuan. So, *there's two types of...*

Kalau saya tidak salah faham, ada rayuan sebelum sampai *Tax Commissioner*. Bila kita dapat satu *statement* kena bayar *tax* ke apa, saya boleh buat rayuan terus kepada jabatan Tan Sri. Kalau tidak lulus, lepas itu saya masih boleh buat rayuan kepada *Tax Commissioner*. So, ada dua rayuan.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Ya. Dia tidak lulus itu bukan apa Yang Berhormat. Tidak lulus itu *not because of*- kerana kita lihatkan bahawa asas kita tadi kukuh dari segi *interpretation of the law*. *We feel that we can defend our stand* dekat mahkamah. So, *that's why* kita kata, okey puan, *now you get to exercise your rights*. *You forwardkan* kepada *Special Commissioner*. *Special Commissioner* pula, *they can go up to Court of Appeal* Yang Berhormat. Cuma sekarang tadi, untuk mengurangkan dari segi *cost of compliance* kepada pembayar cukai. Saya telah menubuhkan Jabatan Resolusi Pertikaian. Bererti, kita kata, *now we look* balik semula secara *very independent* dan sebelum itu— ini baru lagi. *Pardon?... Yes, yes before go to court*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, cuma saya- ada kaitan dengan soalan tadi itu.

Daripada itu, satu lagi tuduhannya kata bahawa perkara-perkara ini siasatan dibuat untuk hendak tingkatkan bonus pegawai yang berkenaan. Pasal apa, isu bonus di LHDNM ini, pegawai dari jabatan lain pun ada iri hati juga pasal bonus LHDNM besar. Saya dimaklumkan tujuh, lapan bulan setahun, berbandingkan dengan bonus kerajaan yang baru satu, dua bulan sahaja. Jadi, selain dikatakan bahawa kerja *income tax* ini senang, orang dia ada komputer, sudah ada- orang datangnya untuk hendak bayar cukai. Jadi, tidak susahlah kerja itu. Itu kerja pentadbiran. Jadi, dia kata kalau hendak bayar bonus pun kepada kerja yang menambah cukailah, bukan kepada kutipan yang biasalah. Ini lebih baik Tan Sri jawab, pasal apa saya perlu masuk Dewan. Nanti kita tidak dijawab oleh Menteri.

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** *I think I need to clear this one*. Dia begini Yang Berhormat. Sebenarnya, tiga tahun lepas, kami telah diberikan KPI. So, bila sebut KPI tadi, kita ada komponen-komponen yang kita perlu ikut dalam KPI tersebut. Okey, *collection is not the ultimate KPI, there are a mixture*. So, dari segi- di sini Yang Berhormat, bagaimana kita susunkan kita punya komponen KPI. Kita ada 10 yang mana lapan itu adalah output dan *the last two, the top two* adalah *our outcome*. So, berdasarkan *our agreement* dengan *Board of Directors*, KPI *talking about two things, productivity and rewarding*. So, kita kata *rewarding* dan kita pun sediakan kita punya *weightage and everything*. Tahun lepas saya tidak nafikan, kita *been given six months bonus*. Cuma sekarang ini...

**Tuan Pengerusi:** Bukan tujuh? Enam?

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Bukan tujuh, bukan tujuh. Cuma sekarang ini tadi, kita cerita dari segi *productivity and rewarding*. Kita tidak mengatakan siapa yang buat siasatan, dia dapat insentif. *No, there's no such thing as incentive*.

*We across the board kita apply, yang penting tidak ada discrimination kecuali bagi mereka yang non-performer tadi Yang Berhormat. Cuma apabila sebut KPI, the more we work, the more we deliver to the government, kita dapat advantage. Itu sahaja. Because, kita kata our KPI tadi tinggi. Bila KPI tinggi, then kita punya rewarding pun tinggi. Itu sahaja. Bukan kerana kita hendak squeeze the tax payer, because of our ini- tidak.*

Berbalik kepada macam orang mengatakan bahawa kerja *income tax* ini senang. Boleh. Saya katakan Yang Berhormat, minta maaf. *I'm not- maybe you see that I'm more defensive.* Saya bagi analogi, *lack of police traffic.* Okey, *the law is there, why must you need the police to interfere during the rush hour? The same things apply to us. We can let the law jalan seperti biasa. We just- but, what happen? Now we're talking about self assessment. But, without the enforcement from our organization, the revenue will collapse. The same thing apply dalam macam sekarang ini tadi, AMLA tadi, money laundering.*

Oleh sebab itulah *advance country that treat that those yang avoid tax, evade tax, they are treated as criminal. Why they go to that extend? Because, we want everybody to pay their share* Yang Berhormat. So, saya kata, *just because of the jealousy, some of the quarters towards our performance, I think can't tolerate on behalf of my- because, our contribution to the nation is a non-military defense* Yang Berhormat. *Without proper revenue, the nation will cannot progress as what you planned. Thank you very much.*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya hendak memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat Selayang tadi yang tanya soal di mana... [Disampuk] Ya? Oh, Limbang sorry. Minta maaf. KBC sempadan ya, kita ada satu di Perak, kita ada tiga di Perlis dan satu di Sarawak. Jumlahnya lima. Kalau perlukan *detail*, saya akan beri *detail*.

■1420

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Di Sarawak di mana?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Di Sarawak itu letaknya di Miri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Soalan terakhir bagi saya. Susulan daripada soalan isu penyeludupan tadi, arak dan juga rokok, isu ini bukan isu baru, sudah lama saya rasa, 50 tahun. Saya kempen masa itu di Bukit Kota, Limbang. Wah! Syok, rakan-rakan saya RM10 tiga *cans* arak, biasa. Mana-mana pun boleh dapat. Di Kuching di *Hawker Centre* pun boleh dapat, so berleluasa. *It is very common things*, bukan disembunyikan, *secret sales*. Ia terbuka. So perkara ini secara terbuka dibuat di Sarawak dan ada tempat-tempat juga di Sabah. Sarawak, berleluasa serta ada tempat-tempat tertentu di Semenanjung tetapi kurang. So, apakah tindakan ataupun langkah yang akan diambil oleh pihak Kastam selain daripada apa yang telah dirancangkan sebelum ini yang selama ini tidak berapa berkesan? Apakah tindakan baru ataupun *paradigm* baru yang akan dilaksanakan supaya perkara ini tidak berlaku terutamanya di Sabah dan Sarawak?

Saya rasa kehilangan cukai kepada kerajaan berbilion-bilion. Memang berbilion-bilion di Sabah dan Sarawak. So, apakah rancangan yang akan dibuat?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Boleh jawab sekali?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya.

**Datuk Madius bin Tangau:** Saya juga ingin bertanya sebab di Sabah, ini sesuatu yang apa yang berlaku, di hari-hari keramaian orang kahwin, orang minum *everywhere*. Semua orang tahu dan kadang-kadang pegawai Kastam pun sama-sama minum... *[Ketawa] It is normal* di Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Islam atau tidak? Pasal pemilik Kedai Bebas Cukai pun 70% bumiputera Melayu, Islam, tetapi jual arak.

**Datuk Madius bin Tangau:** Itu pun / hendak tanya. Itu satulah. Kedua yang rokok itu, rokok yang dijual di kaki lima di mana-mana tempat, di mana-mana pekan dan bandar di Sabah, saban hari orang lihat. Kalau sekiranya ini tidak dapat ditangani, seolah-olah penguatkuasaan sudah tidak ada.

Soalan saya seterusnya soal arak, saya hendak tanya yang itulah 70% bumiputera tadi itu. Jadi dari segi syariah *compliance* bagaimana? Jadi kalau hendak bumiputera yang terlibat dalam hal ini yang *non syariah compliance*...

**Seorang Ahli:** Kena pergi Sabah.

**Datuk Madius bin Tangau:** Kami *ready* lah ramai-ramai protes sana. Bumiputera tetapi tidak perlu syariah *compliance*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sekalilah, sambung terus. Ini untuk Kastam juga. Tadi *mentioned* mengenai KBC lima sempadan, di Sarawak itu sebuah di Miri tetapi di Limbang ada sebuah. Sudah wujud lebih 10 tahun sudah. *Duty free*, jual arak.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Brunei?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Di Limbang.

**Seorang Ahli:** Tedungan.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Tedungan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Mula-mula ia di pasar Limbang, di tengah-tengah Pekan Limbang, selepas itu pindah ke sempadan. Bukan selepas *checkpoint*, tapi sebelum *checkpoint*, ada pekan di situ. Jadi itulah, *just for this one* lah, mungkin terlepas pandang.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Saya terus jawab kepada Yang Berhormat. Itu kita tidak klasifikasikan ia sebagai sempadan. Kita panggil ia KBC dalam negeri. Memang ada di... *[Disampuk]* Tedungan, Kampung Beladang, Limbang, Sarawak.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Belading, Tedungan.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Ya, Belading.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okeylah. Kebetulan juga ini...

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Asia Line Products.

**Tuan Pengerusi:** Ketua Pengarah kena pergi melawat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Yalah, kebetulan. Ingin juga dengar penjelasan sebab macam-macam juga cerita fasal ini. Ini tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sudah buka, apa semua buka, jadi ingin juga hendak tahu sebab ia mungkin menjejaskan ini juga.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya soal isu, *again, the very famous question* bila berdepan dengan Kastam ini *is about* penyeludupan. *And then I must stress also the point that Custom is not only about* penyeludupan. *We have also other duty* yang kita laksanakan. Akan tetapi salah satu daripada tugas besar yang kita tidak boleh *neglect* dari segi memastikan bahawa tidak ada kebocoran hasil dan sebagainya *is about* penyeludupan yang berlaku.

Saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat tadi itu bahawa kalau kita ambil Labuan sebagai contoh, kalau kita lihat penduduk Labuan hanyalah 90,000 orang tetapi *the amount of* arak, *liquor, beer*, rokok masuk seolah-olahnya di sana itu budak dalam buaian pun minum arak... *[Disampuk]* Itulah analoginya. Kabinet pun telah membuat pemerhatian tentang perkara ini yang seolah-olahnya kemudahan mendapatkan minuman keras dan rokok dalam negara ini yang menjadi *concern* kepada Kementerian Kesihatan sebenarnya. Kita pun ada langkah-langkah dan strategi yang sedang kita fikirkan. Itu masalah yang sedang berlaku. *Not only in Labuan, even* Langkawi, pulau-pulau bebas cukai tetapi kurang, mungkin di Tioman. Tioman juga pulau bebas cukai. Kita ada tujuh pulau bebas cukai di Malaysia ini iaitu Tioman, Langkawi, Labuan tetapi... Sebab, banyak masuk ke sana.

Langkah-langkah ke hadapan yang kita hendak buat ini ialah memastikan bahawa kita akan menyemak nanti pengeksport-engeksport ke Labuan ini. Barang-barang dagangan ke Labuan kita nak semak betul-betul tentang berapa banyak sebenarnya keperluan di Labuan itu sendiri. Ini kerana ini bukan tujuannya. Apabila dihantar ke Labuan, bukan tujuannya hendak pergi kepada tanah besar Sabah, Sarawak atau Brunei. Ini kerana di Brunei itu sendiri kalau boleh saya sebut di sini, masalah di Brunei sekarang, kalau lihat dari segi *illicit consumption of cigarette*, seolah-olahnya *every ten cigarette smoked in Brunei* itu, 90% atau 99% itu *illicit cigarette*. Jadi ia tidak buat tuduhan terbuka tetapi secara tidak langsungnya dia kata *from* Malaysia. Malaysia itu Labuan. Jadi itulah masalah yang kita hadapi.

Di Sabah, kalau kita lihat *waterfront* di Kota Kinabalu, budak-budak *Philippines* yang duduk mungkin di Pulau Gaya, ulang-alik menjunjung rokok dan sebagainya. Memang kita kerap membuat operasi dan kerap pun kita tangkap budak-budak ini. Akan tetapi budak-budak *Philippine* yang memang tidak bersekolah, yang kita tidak tahu dia punya *future* bagaimana tetapi ada di situ yang duduk menjual. Apabila kadang-kadang kereta Kastam, saya sendiri lalu naik kereta Kastam...

**Datuk Madius bin Tangau:** Sewaktu pencerobohan Tanduo, penjual *cigarette* ini kata selepas pencerobohan ini, dia cakap, *you* pula jual rokok, kami yang membeli.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Betul. Saya hendak cerita di *waterfront* KK itu, yang di hadapan – kalau siapa biasa di Promenade Hotel, Le Meridean, di hadapan itu. Kadang-kadang dia tengok kereta Kastam lalu, dia tengok ini bukan kereta penguat kuasa, dia boleh sebut, ini kereta daripada pentadbiran Kastam. Kononnya pentadbiran Kastam ini tidak buat penguatkuasaan. Sampai peringkat itu kalau kita hendak tengok dari segi masalah ataupun *magnitude of the problem that we are facing*.

Ini merupakan satu perkara yang kita fikir bahawa *Custom alone cannot fight this activity. We need information from the public, from the people. That is why* sekarang ini kita hendak wujudkan *Custom literate society, so that people help us to go and met* orang-orang ini semua. Macamlah analoginya kes-kes jenayah di Malaysia, kita tidak boleh harap *police alone to do this. We have to have cooperation from the general public*.

[Perbincangan sesama Ahli secara off-record]

■1430

Benda-benda yang kita buat, kita dapatkan kerjasama masyarakat bersama-sama dengan kita sebab kalau tanpa masyarakat punya *cooperation*, penguatkuasaan kita di seluruh Malaysia, kalau yang buat penguatkuasaan itu sendiri kita cuma ada 2,000 orang. Hendak menjaga daripada utara sana, Perlis sampailah ke Sabah. Itulah bilangan yang kita ada.

Akan tetapi mungkinlah *in the future with sufficient of equipment* yang boleh membantu kita pada masa hadapan dari segi penguatkuasaan ini, *insya-Allah*. Akan tetapi kita *acknowledge*, memang *problem* Yang Berhormat, memang betul. *It is a general fact*, orang tahu bahawa Labuan itu tempat lambakan barang-barangnya, dan daripada situ mungkin dia bergerak.

Akan tetapi dalam jangka yang terdekat ini kita hendak memastikan pengeksportan ke Labuan itu, sebab kita seolah-olah eksport ke Labuan itu, walaupun di dalam Malaysia, apabila masuk ke pulau bebas cukai kita panggil eksport dan import di pihak, diterima di Labuan. Kita harap apa yang dieksport di situ sebenarnya patut di *consume in that territory*. Akan tetapi malangnya ada mereka-mereka yang saya panggil sebagai 'penyangak' yang membuat aktiviti-aktiviti yang tidak betul ini dan kita pun ada kes besar tentang perkara ini yang sedang kita siasat dan laksanakan untuk hendak mendakwa pada masa ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa isu ini perlu diatasi dan kita ambil maklum bahawa memang isu ini serius, besar dan tidak dapat diselesaikan *overnight*. Akan tetapi saya rasa tindakan perlu diambil tetapi kita tidak boleh harapkan orang awam untuk bantu dalam kes ini sebab kalau saya boleh minum RM10 tiga botol, kenapa saya hendak adu kepada pihak kerajaan? Kalau saya...

**Tuan Pengerusi:** Tiga botol? [Ketawa]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya langsung tidak minum. Akan tetapi saya lihat orang ramai dan kawan-kawan semua minum macam ini, tidak mungkin mereka hendak adu kepada pihak kerajaan? Tidak mungkin. So, saya rasa kena ada dasar lain yang mungkin lebih berkesan ataupun lebih drastik untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya setuju. *We should have a holistic approach, not only through penguatkuasaan but also educational program* yang perlu kita wujudkan bersama-sama dengan ini. Oleh sebab kalau tengok di Labuan dan Langkawi, budak-budak tingkatan tiga pun sudah mula minum benda-benda ini. Itu sebab dia naik motor, kaki dia atas seat motor itu. Ini yang kita hendak mengelakkan daripada berlaku. *Therefore, not only penguatkuasaan tetapi juga holistic approach towards solving this problem.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada soalan lain?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Okey. Yang Berhormat, saya ambil perhatian di atas teguran ini. Saya akan kaji apa sebabnya permohonan untuk dipindahkan ini. Saya akan semak dengan pihak Pengarah Kastam Negeri Sarawak dan *I will get back to you for the answer.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain sebelum kita gulung? Saya cuma ada satu lagi soalan, *last* sekali. Tadi saya dengar Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad cakap tadi tentang Dato' Sri perlukan maklumat. Apakah kaedah yang Dato' Sri pakai untuk mendapatkan maklumat ini? Adakah Dato' Sri pakai insentif, *reward* dan sebagainya? Bagaimana *reward* ini diuruskan?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Kita ada peruntukan rahsia kerajaan yang diperuntukan kepada kita dan kita ada perintah yang berkenaan tentang bayaran *reward* ini. Setiap *informer* mesti berdaftar dengan Jabatan Kastam- apabila mereka memberi maklumat, dia mesti berdaftar. Kita membayar maklumat apabila ia terbukti, dapat kes berkenaan. Memang kita ada peruntukan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** LHDNM pun ada ya?... Sama ya?

**Seorang Ahli:** ...Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada apa-apa lagi...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Sekejap, ada lagi satu.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi?

**Datuk Madius bin Tangau:** *I just want to put on record.* Sebagai Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Baru-baru ini di Dewan ada daripada pihak rakan-rakan daripada pembangkang mengatakan bahawa *"Inilah rekod Kerajaan Barisan Nasional. Kita di Malaysia ini hasil banyak. Kita kaya tetapi dari segi pungutan hasilnya sedikit berbanding dengan Singapura"*. Ini mengandaikan

yang dari segi integriti dan sebagainya. Apabila dibuat begitu seolah-olah kita yang sebelah sini pula yang- *that we are not doing our job* dari segi *governance*, dari urus tadbir.

Kita pula yang dipersalahkan. Akan tetapi akhirnya, apa yang disebutkan oleh rakan-rakan daripada pembangkang. Itu juga yang kita soal.

Akan tetapi akhirnya, saya ingat soal integriti semua pihak, sepertimana yang kita bincangkan tadi. So, saya ingat itu sebagai kita punya peringatan. Kita boleh canggih dari segi *equipment* yang dicadangkan oleh Tuan Pengerusi tetapi akhirnya manusia itu dari segi integriti itu yang penting. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya ada permintaan jawapan mungkin bertulis kerana mungkin tidak ada maklumat di sini daripada pihak Jabatan Kastam. Sama juga dengan arak. Kita ada isu kes perlepasan cukai dari segi kenderaan di Langkawi. So, boleh atau tidak sampaikan maklumat isu jumlah kereta yang telah pun dijual di Langkawi dan perlepasan cukai yang telah pun diluluskan bagi tahun-tahun terkini kepada pihak PAC?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Perlepasan cukai?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Cukai kereta yang masuk melalui Langkawi itu, *tax free*. So, kita hendak tahu berapa jumlah kereta yang diberikan *tax free* setiap tahun di Langkawi?

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Makna kata, penduduk yang membeli kereta di Langkawi?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ya, macam di Labuan jumlah rokok yang dijual itu macam semua orang pun merokok. Sama dengan di Langkawi, adakah kes itu sama dan berikan maklumat statistik kepada pihak PAC. Terima kasih.

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Dia hendak tanya di Langkawi sebab dia...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** ...Biar betul Yang Berhormat ini *[Ketawa]*

**Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Terima kasih atas *complement remark* daripada Yang Berhormat Tuaran. Saya amat bersetuju bahawa sebenarnya di samping kita memperkasakan *corporate governance in our- but in Lembaga Hasil Dalam Negeri now we put emphasize on the human governance because* kita tahu bahawa kerja-kerja kita tadi, *sometimes* kita dengar *by hearsay*, tohmahan dan sebagainya tadi. So, *that is why* secara dalaman Yang Berhormat, kami telah menubuhkan *enterprise risk management* untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan, supaya tidak memberikan ruang yang terlalu luas. Ruang-ruang yang ada itu kita tutup dan kita memperkasakan *human governance*.

*Insyah-Allah*, dan saya yakin apabila di peringkat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, khususnya tadi mempertingkatkan *human governance and corporate governance, at the same time*



also kesedaran daripada masyarakat untuk *come forward to pay their taxes* tadi, akan menggalakkan.

*That is the reason why this year we have a theme for the tax payers, that is "HASiL is Your Feel Good Partner". It is because, we are partner with the tax payer to develop the nation. Thank you very much* Yang Berhormat.

■1440

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat *from* Sabah tadi tentang isu integriti ini. Dalam isu ini memang kita selalu mengambil tindakan dan kadang-kadang saya mendapati hendak *manage perception is not an easy job*. *Manage* benda lain kadang-kadang okey, *easier than* hendak *manage perception*. Kadang-kadang orang sudah ada persepsi, *then* kita hendak kena *manage* persepsi itu. *Therefore*, ingin saya maklumkan di sini bahawa di jabatan saya sekarang ini telah pun adakan satu pegawai khusus daripada SPRM itu sendiri. Sudah diletakkan, di tempatkan sebagai pegawai integriti jabatan yang *answer direct to me as a KP*, dia tidak ada sesiapa dalam itu. Dia pun bekerja secara *independent* untuk melihat segala aktiviti di dalam jabatanlah.

Beliau telah pun mula bertugas dengan jabatan kita hampir bulan kedua sekarang ini. Jadi, ini merupakan langkah-langkah kita yang hendak memastikan bahawa isu-isu integriti ini— saya *admit, this is a very difficult task* yang perlu kita tangani...

**Tuan Pengerusi:** *And dangerous too if you know what I am referring to lah. Your job is very dangerous.*

**Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad:** Oh, okay. *[Ketawa] Right, very dangerous.* Kita pun terdedah dengan— oleh sebab itu saya kadang-kadang bila kita buat PC ini, saya tidak mahu tunjuk muka di surat khabar. Akan tetapi surat khabar biasanya dia ambil gambar, dia tunjuk muka depan. Hari ini, *Utusan Malaysia*. Saya rampas RM8 juta. *RM8 juta is a lot of money. To some*, dia sudah ada perkiraan *what RM8 million is going to be useful to him*. Akan tetapi bila KP Kastam *appear together with* pengarah, *I agree with you* Yang Berhormat, *that our life is sometimes you know—* hendak balik rumah pun takutlah. Cerita macam itulah kadang-kadang.

Akan tetapi terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan yang diberikan. Kita akan memperbaiki dari semasa ke semasa, *to ensure that the government is collecting the right revenue for the government to continue managing the country* dengan wang yang cukuplah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Tan Sri, terima kasih Dato' Sri. Saya amat tertarik dengan pembentangan pada hari ini kerana isu-isu yang termaktub dalam Laporan Ketua Audit Negara telah dijawab dan kita pun tidak menyentuh sangat fasal isu-isu yang telah dibawa.

Tadi isu-isu fasal bangunan dekat Bangi itu, itu hal JKR. Jadi, itu kita akan *handle* dengan JKRI lah. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tan Sri dan Dato' Sri untuk datang berdepan dengan kita pada hari ini.

Saya rasa ini merupakan satu pengajaran juga bagi kami daripada kerajaan dan juga pembangkang untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai operasi kedua-dua jabatan ini. Saya rasa, *continue your good work. The most important point is we are here to make sure that the people are being served well. We are the people's servant, not the other way around.* Jadi, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada pegawai-pegawai jabatan, juga kepada Jabatan Audit Negara kerana telah sudi hadir pada hari ini. Jadi, saya ucapkan sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.43 petang.]***